



## Tentang Akaun Anda

Perjanjian pengguna PayPal ini akan berkuat kuasa kepada semua pengguna pada 8 Februari 2024.

## Selamat datang ke PayPal!

Perjanjian pengguna ini ialah kontrak antara anda dan PayPal Pte. Ltd., syarikat Singapura yang menguruskan penggunaan akaun PayPal anda dan perkhidmatan PayPal. Jika anda seorang individu, anda mestilah penduduk tetap salah satu negara/rantau yang disenaraikan di laman [PayPal Sedunia](#) dan berusia sekurang-kurangnya 18 tahun, atau umur majoriti di negara/rantau tempat tinggal anda untuk membuka akaun PayPal dan menggunakan perkhidmatan PayPal. Jika anda sebuah perniagaan, perniagaan tersebut mesti diuruskan di, beroperasi di atau penduduk tetap salah satu negara/rantau yang disenaraikan di laman [PayPal Sedunia](#) untuk membuka akaun PayPal dan menggunakan perkhidmatan PayPal.

Dengan membuka dan menggunakan akaun PayPal, anda bersetuju untuk mematuhi semua terma dan syarat dalam perjanjian pengguna ini. Anda juga bersetuju untuk mematuhi polisi tambahan berikut dan setiap perjanjian lain di halaman [Perjanjian Undang-Undang](#) yang terpakai untuk anda, termasuk:

- [Dasar Penggunaan Boleh Diterima](#)
- [Terma Kaedah Bayaran Alternatif](#)

Sila baca semua terma dan syarat perjanjian pengguna ini dengan teliti, terma-terma dasar ini dan setiap perjanjian lain yang terpakai kepada anda.

Kami boleh meminda perjanjian pengguna ini dan mana-mana polisi yang disenaraikan di atas dari semasa ke semasa. Versi semakan akan berkuat kuasa pada masa kami menyiarkannya di laman web kami, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Jika perubahan kami mengurangkan hak anda atau menambah tanggungjawab anda, kami akan menyiarkan notis di halaman [Pengemaskinian Polisi](#) laman web kami dan memberi anda notis sekurang-kurangnya 14 hari. Semua perubahan akan datang yang dinyatakan di halaman [Pengemaskinian Polisi](#) telah diterbitkan di halaman Perjanjian Undang-undang pada masa anda mendaftar perkhidmatan PayPal telah digabungkan mengikut rujukan kepada perjanjian pengguna ini dan akan berkuat kuasa seperti yang dinyatakan dalam Pengemaskinian Polisi. Dengan terus menggunakan perkhidmatan kami selepas apa-apa perubahan pada perjanjian pengguna ini atau mana-mana terma, perjanjian, atau polisi lain yang berkenaan yang disenaraikan di atas, anda bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan perubahan tersebut.

Jika anda tidak bersetuju dengan terma dan syarat yang disemak semula, anda mesti berhenti menggunakan perkhidmatan PayPal, menutup akaun anda dan menamatkan hubungan anda dengan kami tanpa kos atau penalti. Perjanjian pengguna ini akan terus digunakan pada penggunaan perkhidmatan kami oleh anda sebelum ini.

## Tentang perniagaan utama kami

PayPal ialah pembekal perkhidmatan bayaran dan bertindak sedemikian dengan mencipta, mengehos, mengekalkan dan menyediakan perkhidmatan PayPal kami kepada anda melalui Internet. Perkhidmatan kami membolehkan anda menghantar bayaran kepada sesiapa sahaja yang menggunakan akaun PayPal dan jika tersedia, untuk menerima bayaran. Ketersediaan perkhidmatan kami berbeza-beza mengikut negara/rantau. Anda boleh melihat jenis perkhidmatan yang tersedia di negara/rantau anda dengan mengelog masuk ke akaun PayPal anda.

Perkhidmatan PayPal ditawarkan oleh PayPal Pte. Ltd.

Perjanjian pengguna ini bukan satu kegiatan perkhidmatan PayPal dan PayPal tidak menyasarkan mana-mana negara/rantau atau pasaran melalui perjanjian pengguna ini.

## Membuka Akaun

Kami menawarkan dua jenis akaun: akaun PayPal peribadi (atau "akaun peribadi") dan akaun PayPal untuk perniagaan (atau "akaun perniagaan").

Semua akaun PayPal membolehkan anda melakukan perkara seperti:

- [Menghantar](#) dan [menerima](#) bayaran.
- [Membeli](#) barang dalam talian, melalui peranti mudah alih atau di kedai.
- Membuat bayaran menggunakan kad kredit, kad debit, akaun bank, baki dalam akaun PayPal anda, e-Cek atau kaedah bayaran lain.
- Menerima kad kredit, kad debit, akaun bank, baki PayPal, eCek atau kaedah pembayaran yang lain daripada orang lain.

Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan keselamatan dan kawalan yang mencukupi bagi mana-mana dan semua ID, kata laluan, nombor pengenalan peribadi atau mana-mana kod lain yang anda gunakan untuk mengakses akaun PayPal anda dan perkhidmatan PayPal.

Untuk membuka dan mengekalkan akaun PayPal, anda mesti menyenaraikan negara/rantau kediaman anda yang betul dan memberikan kami maklumat akaun yang betul dan dikemas kini, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat peribadi, maklumat kewangan atau maklumat lain yang berkaitan dengan anda atau perniagaan anda.

Anda mesti menyimpan alamat surat-menyurat, alamat e-mel dan maklumat perhubungan lain semasa dalam profil akaun PayPal anda.

---

## Akaun peribadi

Jika anda, terutamanya, perlu membuat pembelian dan menghantar transaksi peribadi kepada keluarga dan rakan, akaun peribadi mungkin sesuai untuk anda. Dengan akaun peribadi, anda boleh melakukan perkara seperti:

- Membeli barangan dan perkhidmatan.
- Menghantar transaksi peribadi kepada dan meminta transaksi peribadi daripada rakan dan keluarga.

Anda juga boleh menggunakan akaun peribadi untuk menerima bayaran bagi penjualan barangan dan perkhidmatan, tetapi jika anda merancang untuk menggunakan akaun peribadi anda terutamanya untuk menjual benda, anda perlu mempertimbangkan akaun perniagaan. Anda boleh menukar akaun PayPal anda daripada akaun peribadi kepada akaun perniagaan sekiranya keadaan berubah.

---

## Akaun perniagaan

Kami mengesyorkan akaun perniagaan untuk individu dan organisasi yang terutamanya menggunakan PayPal untuk menjual barangan atau perkhidmatan, walaupun perniagaan anda tidak diperbadankan. Dengan akaun perniagaan, anda boleh melakukan perkara seperti:

- Menggunakan nama syarikat atau perniagaan sebagai nama pada akaun perniagaan anda.
- Membenarkan pekerja mengakses sesetengah ciri akaun perniagaan anda.
- Daftar untuk produk PayPal yang memenuhi keperluan perniagaan anda.

Akaun perniagaan mungkin tertakluk pada yuran yang berbeza dengan yuran yang dikenakan ke atas akaun peribadi. Akaun perniagaan tidak layak untuk menerima "transaksi peribadi", walaupun mereka boleh menghantar transaksi peribadi kepada rakan dan keluarga dengan akaun PayPal yang layak.

**Dengan membuka akaun perniagaan atau menukar akaun peribadi ke akaun perniagaan, anda mengesahkan kepada kami bahawa anda menggunakannya untuk tujuan perniagaan atau komersial. Anda juga bersetuju untuk PayPal mendapatkan laporan kredit peribadi dan/atau perniagaan anda daripada agensi pelaporan kredit semasa pembukaan akaun, apabila anda meminta produk baharu tertentu dan apabila kami percaya secara munasabah bahawa mungkin terdapat peningkatan risiko yang berkaitan dengan akaun perniagaan anda.**

---

## Perjanjian Entiti Komersial

Sekiranya aktiviti melalui apa-apa jenis akaun PayPal yang anda pegang mencapai ambang tertentu atau melibatkan segmen perniagaan atau aktiviti tertentu, anda dikehendaki oleh rangkaian kad untuk bersetuju dengan Perjanjian Entiti Komersial untuk membolehkan anda menerima bayaran Visa dan MasterCard berterusan. Dalam keadaan ini, [Perjanjian Entiti Komersial](#) ini akan diguna pakai untuk sebarang bayaran yang diproses oleh PayPal bagi pihak anda dan akan membentuk sebahagian daripada perjanjian pengguna ini.

---

## Keizinan Pihak Ketiga

Anda mesti menjadi pemilik benefisial akaun PayPal anda dan hanya menjalankan perniagaan bagi pihak diri anda.

Anda boleh memberi, membuang dan mengurus kebenaran secara nyata bagi sesetengah pihak ketiga untuk mengambil tindakan tertentu bagi pihak anda. Dalam sesetengah kes, anda boleh melakukan ini apabila log masuk ke akaun PayPal anda – dalam kes lain, anda boleh melakukan perkara ini secara langsung dengan pihak ketiga. Anda mengakui bahawa jika anda memberikan kebenaran untuk pihak ketiga untuk mengambil tindakan bagi pihak anda, kami mungkin mendedahkan maklumat tertentu berkenaan akaun PayPal anda kepada pihak ketiga ini.

Anda boleh membenarkan pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang mendapat lesen undang-undang berkenaan untuk:

- menyediakan perkhidmatan maklumat akaun untuk mengakses maklumat tentang akaun anda bagi pihak anda;
- mengesahkan sama ada jumlah yang diperlukan untuk pelaksanaan transaksi pembayaran berasaskan kad tersedia pada akaun anda; atau
- memberikan perkhidmatan bayaran permulaan untuk memulakan pembayaran daripada akaun anda bagi pihak anda.

Memberikan kebenaran kepada mana-mana pihak ketiga untuk mengakses akaun PayPal anda dalam apa jua cara yang tidak melepaskan anda daripada mana-mana tanggungjawab di bawah perjanjian pengguna ini. Anda bertanggungjawab kepada kami atas tindakan yang anda beri kebenaran kepada pihak ketiga untuk jalankan. Anda tidak akan mempertanggungjawabkan kami, dan anda akan menanggung rugi kami daripada sebarang liabiliti yang timbul daripada tindakan atau tindakan susulan pihak ketiga berhubung dengan keizinan yang anda berikan, tertakluk kepada hak perundangan mandatori anda.

## Menutup Akaun PayPal Anda

Anda boleh menutup akaun anda dan menamatkan hubungan anda dengan kami pada bila-bila masa tanpa kos atau penalti, tetapi anda akan kekal bertanggungjawab terhadap semua kewajipan yang berkaitan dengan akaun PayPal anda walaupun selepas akaun PayPal ditutup. Apabila anda menutup akaun PayPal anda, kami akan membatalkan mana-mana transaksi yang dijadualkan atau tidak lengkap. Anda mesti **mengeluarkan** atau memindahkan mana-mana baki daripada akaun PayPal anda sebelum menutup akaun. Anda tidak boleh mengeluarkan atau memindahkan sijil/kad hadiah digital yang dibeli melalui **Hadiah Digital PayPal** dan memautkan ke akaun PayPal anda sebagai kaedah bayaran. Walau bagaimanapun, tanpa akaun PayPal anda, anda masih boleh menggunakan kod yang anda terima melalui e-mel apabila anda membeli sijil/kad hadiah itu untuk membuat pembelian.

Dalam sesetengah kes, anda tidak boleh menutup akaun PayPal anda, termasuk:

- Untuk mengelakkan siasatan.
- Jika anda mempunyai transaksi yang belum selesai, atau pertikaian atau tuntutan terbuka.
- Jika akaun PayPal anda mempunyai baki negatif.
- Jika akaun PayPal anda tertakluk kepada penahanan, had atau rizab.

## Paut atau Nyahpautkan Kaedah Bayaran

Anda boleh memautkan atau menyahpautkan kad kredit, kad debit atau akaun bank ke akaun PayPal anda sebagai kaedah bayaran. Sila simpan maklumat kaedah bayaran anda semasa (cth. nombor kad kredit dan tarikh tamat tempoh). Jika maklumat ini berubah, kami boleh mengemas kini menggunakan maklumat dan sumber pihak ketiga yang tersedia kepada kami tanpa sebarang tindakan daripada pihak anda. Jika anda tidak mahu kami mengemas kini maklumat kad anda, anda boleh membuang kaedah pembayaran anda daripada akaun PayPal anda. Jika kami mengemas kini kaedah pembayaran anda, kami akan menyimpan sebarang tetapan keutamaan yang dilampirkan kepada kaedah pembayaran tersebut. Anda boleh memilih untuk mengesahkan Kad anda, supaya kami boleh mengesahkan bahaw kad adalah sah dan anda adalah pemilik kad.

## Memegang Baki PayPal

Apa-apa baki yang anda pegang dalam akaun PayPal anda mewakili tuntutan tanpa cagaran terhadap PayPal. PayPal menggabungkan baki anda dengan baki pengguna lain dan melaburkan dana tersebut dalam pelaburan cair. Amaun terkumpul ini dipegang berasingan daripada dana korporat PayPal dan PayPal tidak akan menggunakan dana ini untuk perbelanjaan operasi atau mana-mana tujuan korporat lain atau tidak akan dengan sukarela membuat dana ini yang tersedia kepada pemiutang sekiranya mufliis. Anda tidak akan menerima faedah atau pendapatan lain daripada amaun dalam baki anda. Anda bersetuju PayPal akan memiliki kepentingan atau pendapatan lain daripada pelaburan ini. Anda bersetuju untuk memberikan mana-mana hak kepada apa-apa faedah yang diperoleh daripada dana anda kepada PayPal.

## Menambah atau Mengeluarkan Dana

### Menambah dana ke baki anda

Anda boleh menggunakan kaedah bayaran yang dipautkan ke akaun PayPal anda untuk membiayai transaksi yang anda buat menggunakan akaun PayPal anda. Anda tidak memerlukan baki dalam akaun PayPal anda untuk membeli sesuatu atau menghantar bayaran. Anda boleh menambah dana akaun PayPal anda daripada akaun bank yang dipautkan ke akaun PayPal anda dengan memohon pemindahan elektronik ke akaun PayPal anda. Amaun yang dipindahkan akan dipegang sebagai baki dalam akaun PayPal anda. Kad kredit tidak boleh digunakan untuk menambah dana ke baki PayPal anda.

### Mengeluarkan dana daripada baki anda

Jika anda mempunyai baki PayPal, log masuk ke akaun PayPal anda untuk melihat mana-mana pilihan pengeluaran ini yang tersedia di negara/rantau anda:

- memindahkannya ke akaun bank yang dipautkan ke akaun PayPal anda; atau
- memindahkannya ke kad debit atau kredit anda, jika ada; atau

- meminta cek fizikal melalui mel, apabila tersedia.

Bergantung pada negara/rantau di mana akaun anda didaftarkan, anda mungkin boleh mengeluarkan dana anda melalui pembekal perkhidmatan pihak ketiga. Sila lihat terma pihak ketiga tersebut untuk maklumat berkenaan penukaran mata wang.

Untuk melindungi kami dan pengguna kami daripada kerugian, kami mungkin akan menanggungkan pengeluaran dalam situasi tertentu, termasuk jika kami perlu mengesahkan bahawa anda telah membenarkan pengeluaran atau jika bayaran lain ke akaun PayPal anda telah tertakluk kepada pembalikan (sebagai contoh, hasil daripada [caj balik](#), pembalikan bank atau [pertikaian oleh pembeli](#)). Jika kami meletakkan had pada akaun PayPal anda, bayaran adalah tertakluk kepada penahanan, atau akaun anda atau akaun bersekutu mempunyai baki negatif dalam sebarang mata wang semasa pengeluaran daripada akaun PayPal anda belum selesai, anda perlu membuat semula pengeluaran sebaik sahaja had atau penahanan telah ditarik balik, atau baki negatif telah dibayar sepenuhnya.

Kami mungkin menetapkan had pada pengeluaran anda dan anda boleh melihat sebarang had pengeluaran dengan log masuk ke akaun PayPal anda. Melengkapkan langkah-langkah berikut boleh membantu kami mengesahkan akaun PayPal anda, membenarkan kami untuk membuang sebarang had pengeluaran:

- Mengesahkan akaun bank anda; dan
- Memaut dan mengesahkan maklumat kad kredit atau kad debit anda.

Kami mungkin mengenakan bayaran yuran untuk membuat pindahan kepada akaun bank anda. Jika kad debit anda layak menerima pengeluaran daripada akaun PayPal anda, anda akan diberikan pilihan untuk menggunakannya apabila anda memindahkan dana daripada baki PayPal anda, tertakluk kepada yuran yang dikenakan ke atas pindahan tersebut yang boleh didapati di halaman [Yuran bagi Pemindahan Baki \(akaun peribadi\)](#) dan halaman [Yuran bagi Pemindahan Baki \(akaun perniagaan\)](#). Yuran yang dikenakan akan didedahkan kepada anda terlebih dahulu pada setiap kali anda membuat pengeluaran tersebut.

Secara umumnya, kami akan menghantar cek fizikal melalui mel hanya ke alamat yang disahkan kecuali kami telah mengesahkan akaun PayPal anda. Kami tidak akan menghantar cek ke kotak pejabat pos. Jika anda mahu kami menghantar cek kepada alamat yang tidak memenuhi kriteria ini, anda mesti menghubungi perkhidmatan pelanggan dan menyediakan dokumentasi yang kami minta untuk mengesahkan kaitan anda dengan alamat tersebut. Jika anda gagal membuat cek secara tunai dalam tempoh 180 hari dari tarikh pengeluaran, kami akan memulangkan dana kepada baki anda (tolak yuran).

## Menguruskan Baki Anda dalam Mata Wang Berbilang

### Memegang mata wang berbilang

Baki akaun PayPal anda mungkin dipegang dalam mana-mana mata wang yang disokong oleh PayPal dan anda boleh memegang baki lebih daripada satu jenis mata wang ini pada masa yang sama.

Jika anda memegang baki dalam akaun PayPal anda:

- Kami mungkin membenarkan anda untuk menukar baki kepada mata wang yang lain. Jika anda menukar baki dalam akaun anda, kadar pertukaran transaksi PayPal (termasuk [yuran penukaran mata wang](#) kami) akan digunakan. Kami boleh, atas budi bicara, mengenakan had ke atas jumlah baki anda yang boleh ditukar atau bilangan penukaran yang boleh anda lakukan.
- Anda hanya boleh mengeluarkan baki dalam mata wang pembukaan akaun anda atau mata wang lain yang disokong PayPal untuk pengeluaran di negara/rantau berdaftar anda. Untuk menarik balik baki dalam akaun anda yang dipegang dalam mata wang lain, anda perlu menukar mata wang ke mata wang pembukaan akaun anda, atau ia akan ditukar untuk anda pada masa pengeluaran dibuat. Kadar pertukaran transaksi PayPal, termasuk [yuran penukaran mata wang](#) kami, akan digunakan.

Untuk menerima dana dalam mata wang yang akaun anda tidak dikonfigurasi untuk menerimanya buat masa ini, ia mungkin perlu untuk membuat baki dalam akaun PayPal anda dalam mata wang tersebut atau menukar baki ke mata wang lain. Sesetengah mata wang tertentu hanya boleh diterima dengan menukar baki kepada mata wang lain yang PayPal benarkan anda untuk pegang. Jika baki ditukar, kadar pertukaran transaksi PayPal (termasuk [yuran penukaran mata wang](#) kami) akan digunakan.

Anda bertanggungjawab untuk semua risiko yang berkaitan dengan mengekalkan mata wang berbilang dalam akaun PayPal anda. Anda tidak boleh mengurus atau menukar mata wang untuk tujuan dagangan spekulatif, arbitraj penukaran, opsyen penukaran atau aktiviti lain yang menentukan PayPal adalah terutamanya untuk tujuan mendapatkan atau membuat wang berdasarkan kadar Penukaran Mata Wang. PayPal boleh menahan, membatalkan atau membalikkan sebarang transaksi yang kami tentukan telah melanggar dasar ini.

### Cara kami menukar mata wang

Jika PayPal menukar mata wang, ia akan diselesaikan pada kadar pertukaran transaksi yang kami tetapkan untuk pertukaran mata wang yang berkaitan. Kadar pertukaran transaksi dilaraskan secara berkala dan termasuk [yuran penukaran mata wang](#) yang dikenakan dan disimpan oleh kami pada kadar pertukaran asas untuk membentuk kadar yang berkenaan dengan penukaran anda. Kadar pertukaran asas adalah berdasarkan kadar dalam pasaran mata wang borong pada hari penukaran atau Hari Bekerja sebelumnya; atau, jika dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan, ditetapkan pada kadar rujukan kerajaan yang berkaitan.

Untuk sesetengah kegunaan akaun PayPal anda, PayPal mungkin menentukan penukaran mata wang diperlukan. Yuran penukaran mata wang yang terpakai boleh didapati pada halaman yuran kami di bawah tajuk [Yuran penukaran mata wang](#).

## Pilihan penukaran mata wang

Apabila bayaran anda dibiayai oleh kad debit atau kredit dan melibatkan penukaran mata wang melalui PayPal, anda bersetuju dan membenarkan kami untuk menukar mata wang sebagai ganti kepada pengeluar kad debit atau kredit anda. Anda mungkin berhak mendapatkan pengeluar kad anda melaksanakan penukaran mata wang, jika terpakai kepada pengeluar kad dan rangkaian tersebut. Pemilihan pilihan mata wang ini boleh dikemukakan kepada anda dalam pelbagai bentuk, termasuk antara lain, dengan menetapkan mata wang kad anda, pilihan mata wang yang digunakan untuk transaksi, sama ada PayPal atau pengeluar kad anda menjalankan penukaran atau jenis kadar penukaran yang digunakan untuk transaksi itu. Jika pengeluar kad anda menukar mata wang, pengeluar kad anda akan menentukan kadar penukaran mata wang dan yuran yang mungkin dikenakan oleh mereka.

PayPal akan sentiasa melakukan penukaran untuk transaksi yang anda gunakan baki sedia ada anda dalam akaun PayPal anda atau akaun bank terpaut anda ialah kaedah bayaran.

## Penyata Akaun

### Penyata Akaun

Anda berhak menerima penyata akaun yang menunjukkan aktiviti akaun PayPal anda. Anda boleh melihat penyata akaun PayPal anda dengan log masuk ke akaun PayPal anda.



Menghantar bayaran dan pembelian

## Menghantar bayaran kepada atau Menerima bayaran daripada Rakan atau Ahli Keluarga

### Menghantar bayaran

Di sesetengah negara/rantau, anda boleh menghantar dana kepada rakan atau ahli keluarga daripada akaun PayPal anda menggunakan ciri hantar bayaran dalam akaun PayPal anda.

Anda boleh melihat jenis perkhidmatan yang tersedia di negara/rantau anda dengan mengelog masuk ke akaun PayPal anda.

Anda boleh menghantar dana kepada rakan atau ahli keluarga walaupun mereka tidak mempunyai akaun PayPal yang layak pada masa anda menghantar dana tersebut kepada mereka, menggunakan alamat e-mel atau nombor mudah alih mereka, dalam mana-mana mata wang yang disokong oleh PayPal dan anda boleh memilih kaedah bayaran yang anda mahu gunakan. Jika orang yang anda hantar dana tersebut tidak mempunyai akaun PayPal, mereka boleh menuntut dana dengan membuka akaun PayPal. Jika mereka tidak menuntut dana, dana tersebut akan dibayar balik kepada anda. Penerimaan dana daripada rakan atau ahli keluarga diterangkan di bawah [Menerima bayaran](#).

Aatas budi bicara, kami boleh mengenakan had ke atas jumlah dana yang anda boleh hantar, termasuk dana yang anda hantar untuk pembelian. Anda boleh melihat sebarang had penghantaran dengan log masuk ke akaun PayPal anda. Kami mungkin meningkatkan had penghantaran anda jika anda melengkapkan langkah sama untuk mengesahkan maklumat anda seperti yang diperlukan untuk membuang had pengeluaran.

Apabila anda menghantar dana kepada rakan atau ahli keluarga, satu daripada tiga perkara mungkin berlaku: mereka boleh menerima, menolak atau gagal untuk menuntut dana tersebut. Jika mereka sama ada menolak untuk menerima dana atau tidak menuntutnya dalam tempoh 30 hari dari tarikh ia dihantar, dana (termasuk apa-apa yuran yang dikenakan) akan dibayar balik kepada:

- Kaedah pembayaran asal yang anda gunakan untuk transaksi tersebut, jika anda menggunakan kad kredit, Kad debit atau PayPal Credit sebagai kaedah pembayaran, atau
- Baki dalam akaun PayPal anda, jika anda menggunakan baki Akaun PayPal anda sebagai kaedah bayaran atau akaun bank sebagai kaedah bayaran dan kami tidak boleh membayar balik ke akaun bank anda.

### Menerima bayaran

Jika rakan atau ahli keluarga menghantar dana kepada anda, dana akan muncul dalam baki akaun PayPal anda. Untuk menerima dana dalam mata wang yang akaun anda tidak dikonfigurasi untuk terima buat masa ini, anda mungkin perlu membuat baki dalam mata wang tersebut atau menukar dana ke mata wang lain. Sesetengah mata wang tertentu hanya boleh diterima dengan menukar baki kepada mata wang lain yang PayPal benarkan anda untuk pegang. Jika baki ditukar, [kadar pertukaran transaksi](#) PayPal (termasuk [yuran penukaran mata wang](#) kami) akan digunakan.

# Yuran untuk Menghantar Bayaran kepada Rakan dan Keluarga

Yuran yang dikenakan untuk menghantar transaksi peribadi boleh didapati dalam [Jadual penghantaran dana](#) kami dan akan didedahkan kepada anda terlebih dahulu setiap kali anda memulakan transaksi untuk menghantar bayaran kepada rakan atau ahli keluarga. Jika anda menukar baki dalam akaun PayPal anda daripada satu mata wang kepada mata wang lain, kadar pertukaran transaksi PayPal (termasuk [yuran penukaran mata wang](#)) kami akan digunakan.

Jika anda menghantar bayaran kepada rakan atau ahli keluarga daripada laman web pihak ketiga (bukan PayPal) atau dengan menggunakan produk atau perkhidmatan pihak ketiga, maka pihak ketiga yang akan menentukan sama ada pengirim atau penerima yang membayar yuran tersebut. Ini akan didedahkan kepada anda oleh pihak ketiga sebelum bayaran dimulakan.

Anda tidak harus menghantar bayaran sebagai transaksi peribadi (sering dirujuk sebagai digunakan menggunakan ciri "hantar bayaran kepada rakan atau ahli keluarga" dalam akaun PayPal anda) apabila anda membayar untuk barangan atau perkhidmatan. Ambil perhatian bahawa ciri "hantar bayaran kepada rakan atau ahli keluarga" mungkin tidak tersedia apabila menghantar bayaran ke akaun perniagaan kerana akaun tersebut tidak layak menerima transaksi peribadi.

## Membeli Sesuatu Daripada, Menderma kepada atau Memulangkan Sesuatu kepada, Penjual yang Menerima PayPal

### Cara membeli sesuatu atau menderma

Anda boleh membeli sesuatu daripada penjual yang menerima PayPal atau menderma dalam mana-mana mata wang yang diterima oleh penerima dan disokong oleh PayPal, menggunakan baki dalam akaun PayPal anda atau menggunakan mana-mana [kaedah bayaran](#) yang dipautkan ke akaun PayPal anda. Ini termasuk, sebagai contoh:

- Membeli sesuatu di laman web peruncit dalam talian dan memilih PayPal sebagai kaedah bayaran anda di daftar keluar.
- Menghantar bayaran kepada penjual untuk barangan atau perkhidmatan.
- Menggunakan akaun PayPal anda untuk membeli sesuatu di kedai fizikal penjual.
- Menderma menggunakan PayPal.

Jika penjual tempat anda membeli barang menjual barangan atau perkhidmatan dan belum lagi mempunyai akaun PayPal, mereka boleh menuntut bayaran anda dengan membuka akaun PayPal. Jika mereka tidak membuka akaun PayPal dalam tempoh 30 hari, pembelian anda akan dikembalikan.

Dalam usaha untuk mengurus risiko, PayPal mungkin menghadkan kaedah bayaran yang tersedia untuk transaksi apabila anda membeli sesuatu atau menderma. Selain itu, kaedah bayaran mungkin dihadkan kepada penjual atau penerima tertentu, termasuk bayaran PayPal yang dibuat melalui laman web atau aplikasi pihak ketiga tertentu, sebagai contoh:

- American Express mungkin tidak tersedia sebagai kaedah bayaran untuk peniaga tertentu, seperti syarikat penerbangan berjenama dan peniaga pelancongan tertentu;
- Sesetengah kad kredit mungkin tidak tersedia sebagai kaedah bayaran untuk peniaga tertentu, seperti dalam industri perjudian; dan
- Kad kredit tidak boleh digunakan untuk menghantar bayaran peribadi atau menambah nilai baki dalam akaun PayPal anda.

Apabila anda membenarkan pembayaran kepada penjual yang menerima PayPal, sesetengah penjual mungkin mengambil masa sehingga 30 hari untuk melengkapkan transaksi. Dalam keadaan ini, bayaran anda mungkin muncul sebagai pesanan belum selesai dalam akaun PayPal anda. Dalam kes tersebut, kebenaran pembayaran anda akan kekal sah sehingga penjual melengkapkan transaksi (tetapi tidak melebihi 30 hari). Jika anda menggunakan kad debit atau kredit sebagai kaedah bayaran, pengeluar kad debit atau kredit anda juga boleh menunjukkan kebenaran yang belum selesai untuk tempoh masa tertentu sehingga mereka melepaskan penahanan atau menerima transaksi yang lengkap.

Jika bayaran anda memerlukan penukaran mata wang daripada kami, kadar pertukaran transaksi akan ditentukan dan digunakan seperti yang diterangkan dalam seksyen [Cara kami menukar mata wang](#) dan akan ditentukan pada masa bayaran itu diproses.

### Yuran

Apabila anda membeli sesuatu daripada penjual yang menerima PayPal atau menderma, anda tidak perlu membayar yuran kepada PayPal. Jika PayPal melakukan penukaran mata wang untuk pembelian atau derma anda, kadar pertukaran transaksi PayPal (termasuk [yuran penukaran mata wang](#) kami) akan digunakan.

Pengeluar kad kredit atau debit anda juga mungkin mengenakan bayaran yang berasingan untuk transaksi.

### Semakan bayaran



Apabila PayPal mengenal pasti transaksi yang berisiko tinggi, kami menyemak urus niaga dengan lebih teliti sebelum membenarkan ia diteruskan. Apabila ini berlaku, PayPal akan menahan transaksi itu dan memberitahu penjual untuk menanggungkan pengiriman item tersebut. Sebagai pembeli, ini boleh melambatkan penerimaan item yang anda beli. Jika kami membenarkan transaksi, kami akan memberitahu penjual dan mengarahkan mereka untuk mengirim item. Jika kami tidak membenarkan transaksi, kami akan membatalkan dan mengembalikan dana tersebut kepada anda, melainkan jika kami diperlukan secara sah untuk mengambil tindakan lain.

---

## Bayaran automatik

Anda boleh bersetuju dengan penjual yang menerima PayPal untuk menggunakan PayPal sebagai kaedah pembayaran untuk pembelian akan datang dengan penjual itu. Perjanjian ini adalah antara anda dan penjual serta membolehkan penjual untuk mengambil dana daripada akaun PayPal anda dengan kebenaran anda dalam cara sekali, berkala atau sekali-sekala. Contoh bayaran automatik yang boleh anda aturkan sama ada dengan penjual atau PayPal termasuk bayaran yang PayPal gelar sebagai "perjanjian bil", "langganan", "bayaran berulang", "transaksi rujukan", "debit yang dibenarkan atau PAD", "pemindahan yang dibenarkan" atau "bayaran yang diluluskan terlebih dahulu".

Anda boleh membatalkan bayaran automatik sehingga 3 **Hari Bekerja** sebelum tarikh pembayaran berjadual berikutnya daripada tetapan akaun anda atau dengan menghubungi kami melalui **Pusat Bantuan PayPal**. Sebaik sahaja bayaran automatik dibatalkan, semua bayaran automatik akan datang di bawah perjanjian anda dengan penjual akan dihentikan. Jika anda membatalkan bayaran automatik, anda mungkin masih berhutang dana pembelian dengan penjual atau mempunyai kewajipan tambahan kepada penjual untuk mana-mana barangan atau perkhidmatan yang anda terima, tetapi belum dibayar dan anda mungkin dikehendaki membayar penjual melalui cara alternatif.

Jika anda telah memberikan kebenaran awal, sama ada kepada penjual atau PayPal yang membenarkan penjual untuk mengambil atau menerima bayaran daripada akaun PayPal anda secara berulang dengan kerap (contohnya, setiap bulan atau sebaliknya mengikut kitaran pengebilan rutin), dan jika bayaran tersebut berbeza-beza jumlahnya, anda berhak untuk menerima notis awal bagi jumlah dan tarikh pemindahan daripada penjual sekurang-kurangnya 10 hari sebelum pemindahan dibuat. Jika penjual memberi pilihan, anda boleh memilih untuk menerima notis terlebih dahulu hanya apabila jumlah pembayaran automatik anda berada luar julat yang diwujudkan antara anda dan Penjual.

Jika anda telah membenarkan bayaran automatik dan PayPal menjalankan **penukaran mata wang** untuk transaksi bayaran automatik, PayPal akan menggunakan kadar pertukaran transaksi (termasuk **yuran penukaran mata wang** PayPal) yang berkuat kuasa pada masa transaksi bayaran automatik itu diproses.

---

## Bayaran Balik

Apabila anda membeli sesuatu daripada penjual dalam talian menggunakan PayPal dan transaksi tersebut akhirnya dibayar balik, bayaran biasanya akan dibayar balik mengikut kaedah bayaran asal yang anda gunakan untuk transaksi tersebut jika anda menggunakan kad kredit, kad debit atau baki dalam akaun PayPal anda. Jika anda menggunakan akaun bank sebagai kaedah bayaran untuk transaksi tersebut, kami akan membayar balik bayaran ke akaun bank atau ke baki dalam akaun PayPal anda jika kami tidak boleh membayar balik ke akaun bank anda. Untuk pembelian yang anda buat di lokasi kedai penjual dengan bayaran menggunakan akaun PayPal anda dan transaksi tersebut akhirnya dibayar balik, bayaran akan dibayar balik ke baki dalam akaun PayPal anda.

Jika PayPal melakukan penukaran mata wang untuk transaksi anda dan bayaran balik dikeluarkan:

- dalam tempoh 1 hari dari tarikh pembayaran asal, kadar pertukaran transaksi (termasuk yuran penukaran mata wang kami) yang digunakan pada masa bayaran asal akan dikenakan.
- selepas 1 hari dari tarikh pembayaran asal, kadar pertukaran transaksi PayPal (termasuk yuran penukaran mata wang kami) pada tarikh bayaran balik akan dikenakan. Kadar pertukaran transaksi boleh dikenakan dengan serta-merta dan tanpa notis kepada anda. Ini bermakna bahawa anda mungkin tidak menerima jumlah penuh pembayaran asal anda disebabkan yuran di atas dan turun naik dalam kadar penukaran mata wang.

Bayaran akan dikembalikan dalam mata wang yang anda bayar, atau jika kami tidak dapat membayar balik dalam mata wang yang anda bayar, dalam mata wang pegangan utama anda.

---

# Kaedah Bayaran yang Digunakan untuk Transaksi Saya

## Memilih kaedah pembayaran pilihan

Di sesetengah negara, anda boleh memilih mana-mana kaedah bayaran dalam akaun PayPal anda sebagai kaedah bayaran pilihan anda. Anda boleh memilih kaedah bayaran pilihan dalam keutamaan akaun anda. Mungkin terdapat masa apabila kaedah bayaran pilihan anda tidak boleh digunakan, contohnya, jika anda memilih kad kredit yang telah luput.

Anda boleh menetapkan kaedah bayaran pilihan yang berasingan untuk transaksi dalam talian, transaksi di kedai dan bayaran automatik dengan penjual.

Jika anda telah memilih kaedah bayaran pilihan, ia akan ditunjukkan sebagai kaedah bayaran utama.

Ketersediaan kaedah bayaran tertentu mungkin terhad berdasarkan pada penjual tertentu atau laman web pihak ketiga yang anda gunakan untuk melengkapkan transaksi.

Jika anda belum memilih kaedah bayaran yang dipilih atau kaedah pembayaran pilihan anda tidak tersedia, kami akan menunjukkan kaedah bayaran yang tersedia, termasuk kaedah bayaran yang anda gunakan dengan paling kerap atau terkini pada masa transaksi. Anda juga boleh klik pada pautan "Urus" untuk melihat semua kaedah bayaran anda yang tersedia atau tambah kaedah baharu dan pilih kaedah bayaran semasa transaksi.

---

## Kaedah bayaran sandaran

Sesetengah transaksi sekali dalam talian mungkin memerlukan kaedah pembiayaan sandaran digunakan sekiranya kaedah bayaran yang dipilih atau pilihan anda tidak tersedia. Dalam keadaan tersebut, kaedah pembiayaan sandaran mungkin dipaparkan kepada anda pada halaman semakan transaksi anda, sebelum anda melengkapkan transaksi. Ambil perhatian bahawa ini hanya terpakai untuk transaksi sekali, dalam talian sahaja dan bukan untuk bayaran automatik. Jika PayPal menentukan penukaran mata wang adalah perlu untuk transaksi yang juga memerlukan kaedah bayaran sandaran, anda mungkin tidak dapat memilih secara berasingan sama ada PayPal atau pengeluar kad anda yang menjalankan penukaran mata wang pada kaedah bayaran sandaran anda.

---

## Menghantar bayaran kepada rakan dan keluarga

Apabila anda menghantar transaksi peribadi kepada rakan dan keluarga menggunakan baki dalam akaun PayPal anda (jika ada) atau akaun bank anda, kami menyetepikan semua yuran, oleh itu, kami sentiasa menunjukkan pilihan bayaran ini kepada anda terlebih dahulu, meskipun anda telah menetapkan kaedah bayaran pilihan untuk pembelian dalam talian anda. Ingat, anda sentiasa mempunyai pilihan untuk memilih mana-mana kaedah bayaran dalam akaun PayPal anda dengan mengklik pautan "Tukar" pada halaman Hantar Bayaran. Jika anda memilih kaedah bayaran dengan yuran, kami akan sentiasa menunjukkan yuran kepada anda sebelum anda menghantar bayaran.

---

## Bayaran automatik

Sesetengah penjual membenarkan anda untuk menyimpan PayPal sebagai cara untuk membayar apabila membuat pembelian di laman web mereka, supaya anda boleh mendaftar keluar dengan lebih cepat. Biasanya, ini melibatkan proses mengikat perjanjian dengan penjual yang membenarkan mereka untuk meminta kami mengecaj akaun PayPal anda pada setiap kali anda membuat pembelian.

Anda boleh memilih kaedah bayaran untuk pembelian akan datang dengan penjual tertentu, sama ada pada masa membuat perjanjian atau dalam tetapan akaun anda. Sebagai contoh, anda boleh mengarahkan perkhidmatan langganan filem bulanan anda untuk sentiasa mengecaj kad kredit anda untuk kos bulanan.

Jika kaedah bayaran pilihan anda tidak tersedia (cth. kad kredit tamat tempoh), perjanjian tertentu dengan penjual tidak menyediakan keupayaan untuk menentukan kaedah bayaran, atau jika anda tidak menetapkan kaedah bayaran untuk transaksi akan datang dengan penjual, kaedah bayaran yang digunakan adalah dalam susunan berikut, seperti berkenaan: 1. baki; 2. akaun bank (pindahan segera); 3. kad debit jenama bersama PayPal; 4. kad kredit jenama bersama PayPal; 5. kad debit; 6. kad kredit; dan 7. e-Cek.

Anda boleh membatalkan sebarang perjanjian dalam tetapan akaun anda.

---

## Pindahan akaun bank

Apabila anda menggunakan akaun bank anda sebagai kaedah bayaran, anda membenarkan PayPal untuk memulakan pemindahan daripada akaun bank anda kepada penerima. Untuk transaksi ini, PayPal akan membuat pemindahan elektronik daripada akaun bank anda dalam amaun yang anda tentukan. Anda membenarkan PayPal untuk mencuba pemindahan ini sekali lagi jika pemindahan awal ditolak oleh bank anda atas sebarang sebab.

---

## eCek

e-Cek ialah kaedah bayaran yang mana anda menggunakan akaun bank anda sebagai kaedah bayaran anda, dan bayaran tidak diterima oleh penerima sehingga transaksi diproses dari bank. Proses ini biasanya mengambil masa selama 3-5 [Hari Bekerja](#), tetapi amaun masa ini akan meningkat jika bayaran dihantar daripada akaun bank yang terletak di luar negara/rantau anda.

Jika e-Cek ialah kaedah bayaran pilihan anda, kaedah ini akan digunakan untuk membiayai bayaran PayPal anda, walaupun anda mempunyai baki dalam akaun PayPal anda.

---

# Program Perlindungan Pembeli PayPal

## Perlindungan Pembeli PayPal

Apabila anda membeli sesuatu daripada penjual yang menerima PayPal, anda mungkin layak untuk bayaran balik di bawah program [Perlindungan Pembeli PayPal](#). Apabila bersesuaian, program [Perlindungan Pembeli PayPal](#) melayakkan anda menerima bayaran balik untuk harga pembelian penuh item serta kos penghantaran asal yang anda bayar, jika ada. PayPal menentukan, mengikut budi bicara mutlaknya, sama ada tuntutan anda layak untuk program Perlindungan



Pembeli PayPal. Penentuan asal PayPal dianggap muktamad, tetapi anda mungkin boleh memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut dengan PayPal jika anda mempunyai maklumat baharu atau meyakinkan yang tidak tersedia pada masa penentuan asal atau anda percaya terdapat ralat dalam proses membuat keputusan.

Terma dan syarat program penuh dinyatakan dalam halaman program [Perlindungan Pembeli PayPal](#) dan merupakan sebahagian daripada perjanjian pengguna ini.



## Menjual dan Menerima Bayaran

# Menerima Bayaran

## Menerima bayaran

Kebolehan untuk menerima bayaran berbeza mengikut negara/rantau. Anda boleh menentukan sama ada anda boleh menerima bayaran dengan membuat log masuk ke akaun PayPal anda.

Jika anda menggunakan akaun PayPal anda untuk menerima bayaran bagi jualan barangan atau perkhidmatan atau menerima derma, anda mesti:

- Membayar mana-mana yuran yang dikenakan untuk menerima bayaran.
- Tidak meminta pembeli anda untuk menghantar bayaran kepada anda sebagai transaksi peribadi (sering dirujuk sebagai menggunakan ciri "hantar bayaran kepada rakan atau ahli keluarga"). Jika anda berbuat demikian, PayPal boleh mengalih keluar keupayaan akaun PayPal anda untuk menerima bayaran daripada rakan atau ahli keluarga.

Dengan menyepadukan sebarang kefungsiian yang bertujuan untuk membolehkan pembayar tanpa akaun PayPal menghantar bayaran ke akaun PayPal anda ke dalam daftar keluar/platform dalam talian anda, anda bersetuju dengan semua terma penggunaan yang selanjutnya bagi kefungsiian yang akan disediakan oleh PayPal kepada anda pada sebarang halaman di laman web PayPal atau Braintree (termasuk sebarang halaman untuk pembangun dan halaman [Perjanjian Undang-Undang](#) kami) atau platform dalam talian. Terma selanjutnya ini termasuk [Terma Kaedah Bayaran Alternatif](#) PayPal.

## Tiada surcaj

Anda bersetuju bahawa anda tidak akan mengenakan surcaj atau sebarang yuran lain untuk menerima PayPal sebagai kaedah bayaran. Anda boleh mengenakan yuran pengendalian berhubung dengan penjualan barangan atau perkhidmatan selagi yuran pengendalian tidak bertindak sebagai surcaj dan tidak melebihi yuran pengendalian yang anda kenakan untuk transaksi bukan PayPal.

## Mempamerkan PayPal

Anda mesti memperlakukan kaedah bayaran PayPal atau menandakannya sekurang-kurangnya setanding dengan mana-mana kaedah bayaran lain yang ditawarkan di tempat jualan anda, di mana-mana perkhidmatan berjenama PayPal disepadukan, termasuk laman web atau aplikasi mudah alih anda. Ini termasuk sekurang-kurangnya sama atau lebih baik: penempatan logo, kedudukan pada mana-mana tempat jualan, dan layanan dari segi aliran bayaran, terma, syarat, sekatan, dan yuran, dalam setiap kes seperti tanda dan kaedah bayaran lain di tempat jualan anda. Selanjutnya, anda tidak boleh mempamerkan sebarang kaedah bayaran atau tanda huluan (atau pada titik awal dalam pengalaman daftar keluar) daripada pengemukaan mana-mana perkhidmatan atau tanda PayPal.

Sebagai wakil kepada pelanggan anda atau dalam komunikasi awam, anda tidak boleh salah dalam mencirikan mana-mana perkhidmatan PayPal sebagai kaedah bayaran atau mempamerkan keutamaan untuk kaedah bayaran lain berbanding mana-mana perkhidmatan PayPal. Pada semua tempat jualan anda, anda bersetuju untuk tidak mencuba untuk menolak atau menghalang pelanggan anda daripada menggunakan PayPal atau menggalakkan pelanggan untuk menggunakan kaedah bayaran alternatif. Jika anda membenarkan pelanggan membayar anda dengan PayPal, pada bila-bila masa anda memaparkan atau mempamerkan kaedah bayaran yang anda terima (sama ada dalam mana-mana tempat jualan atau dalam bahan pemasaran anda, pengiklanan dan komunikasi pelanggan lain), anda bersetuju untuk memaparkan tanda bayaran perkhidmatan PayPal sekurang-kurangnya dengan jelas, dan sekurang-kurangnya dalam cara yang positif seperti yang anda lakukan untuk semua kaedah bayaran lain.

## Cukai, laporan maklumat

Beberapa yuran kami mungkin tertakluk pada cukai, levi, duti atau penilaian kerajaan yang serupa, termasuk contohnya, cukai nilai tambah, cukai jualan, cukai pendapatan, cukai penggunaan atau pegangan, yang boleh ditaksir oleh mana-mana bidang kuasa (secara kolektif, "cukai") dan kecuali dinyatakan dengan jelas, yuran kami adalah eksklusif bagi cukai yang bersesuaian. Ia menjadi tanggungjawab anda untuk menentukan, jika ada, cukai yang dikenakan ke atas bayaran yang anda buat atau terima, dan ia menjadi tanggungjawab anda sepenuhnya untuk menilai, mengumpul, melaporkan dan membayar cukai yang betul kepada pihak berkuasa yang berkenaan. PayPal tidak bertanggungjawab untuk menentukan sama ada sebarang cukai dikenakan ke atas transaksi anda, atau mengira, mengumpul, melaporkan atau memutuskan cukai yang timbul daripada sebarang transaksi.

Tanpa mengambil kira perkara di atas, PayPal boleh meminta anda memberikan nombor pengenalan cukai anda dan/atau dokumentasi atau maklumat lain yang berkaitan dengan cukai. Jika anda tidak memberikan maklumat atau dokumentasi yang diminta kepada PayPal, anda memahami dan bersetuju bahawa anda mungkin tertakluk pada had akaun dan cukai pegangan pada kadar yang berkenaan bagi bayaran kasar yang diterima. PayPal akan menghantar cukai pegangan sedemikian kepada pihak berkuasa cukai yang berkenaan dan tidak boleh membayar balik amaun tersebut.

---

## Dasar bayaran balik dan dasar privasi anda

Anda mesti menyiarkan bayaran balik dan dasar pemulangan serta dasar privasi apabila dikehendaki oleh undang-undang.

---

## Semakan bayaran

PayPal menyemak transaksi yang berpotensi berisiko tinggi tertentu. Jika PayPal menentukan, mengikut budi bicara mutlak, bahawa satu transaksi itu berisiko tinggi, kami akan menahan bayaran dan memberi notis kepada anda untuk menanggungkan pengiriman item. PayPal akan membuat semakan dan sama ada melengkapkan atau membatalkan bayaran. Jika bayaran telah dilengkapkan, PayPal akan memberikan notis kepada anda untuk mengirim item. Jika tidak, PayPal akan membatalkan bayaran dan dana akan dikembalikan kepada pembeli, kecuali jika kami dikehendaki mengambil tindakan lain mengikut undang-undang. Semua bayaran yang memenuhi semakan bayaran ini layak untuk Perlindungan Penjual PayPal jika bayaran tersebut memenuhi keperluan Perlindungan Penjual PayPal. Kami akan memaklumkan kepada anda melalui e-mel dan/atau melalui akaun PayPal anda.

---

## Bayaran di kedai

Jika anda menerima bayaran PayPal di kedai fizikal anda, anda mesti menyampaikan jumlah amaun transaksi kepada pelanggan sebelum transaksi dibuat. Anda boleh mengenakan caj pada akaun pelanggan anda hanya untuk transaksi yang dibenarkan. Anda juga mesti menyediakan pelanggan dengan resit fizikal jika diminta. Anda bersetuju bahawa sebarang transaksi yang anda buat hendaklah mempunyai huraian yang tepat dan benar mengenai barangan dan perkhidmatan yang dibeli.

---

## Penjual pasaran

Jika anda seorang penjual di pasaran atau melalui aplikasi pihak ketiga di mana PayPal ditawarkan, anda mesti mematuhi sebarang peraturan yang dikenakan pada pasaran atau permohonan pihak ketiga untuk program perlindungan pembeli bagi jualan yang anda buat melalui forum tersebut. Perlindungan sedemikian mungkin memerlukan anda untuk mengambil tindakan tertentu dan boleh memberi kesan kepada cara tuntutan diproses.

---

## Transaksi kad tidak didedahkan

Apabila pembeli menggunakan kad debit atau kredit sebagai kaedah bayaran untuk transaksi menggunakan akaun mereka untuk membeli sesuatu daripada anda sebagai penjual, transaksi akan diproses sebagai transaksi "kad tiada", walaupun jika pembeli berada di lokasi kedai anda.

---

## Menerima bayaran prakebenaran

Sebagai penjual, anda boleh menerima bayaran daripada akaun pembeli melalui bayaran prakebenaran sama ada secara satu kali, tetap atau sekali-sekala. Jenis transaksi ini kadangkala dipanggil "perjanjian bil," "langganan," "bayaran berulang," "transaksi rujukan," "debit prakebenaran atau PAD" "pemindahan prakebenaran," "bayaran pralulus" atau "bayaran automatik".

Jika anda menerima bayaran prakebenaran daripada pembeli:	
Anda mestilah:	Anda tidak boleh:
Mendapatkan kebenaran setiap pembeli untuk amaun, kekerapan dan tempoh bagi sebarang bayaran sedemikian.	Memulakan bayaran akan datang tanpa kebenaran bertulis daripada pembeli, jika pembeli telah berhenti atau membatalkan bayaran prakebenaran.
Menyediakan prosedur pembatalan dalam talian yang ringkas dan mudah diakses, jika pembeli mendaftar untuk bayaran prakebenaran dalam talian.	
Memberi keupayaan kepada pembeli untuk menghentikan sebarang bayaran sedemikian sehingga 3 <a href="#">Hari Bekerja</a> sebelum tarikh bayaran yang dijadualkan.	

Maklumkan pembeli terlebih dulu mengenai amaun dan tarikh setiap bayaran prakebenaran sekurang-kurangnya 10 hari lebih awal jika bayaran prakebenaran berbeza daripada amaun yang telah diprabenarkan atau (atas pilihan pembeli) amaun bayaran berada di luar julat yang dipratetapkan.	
--	--

---

## Negara Pindahan Automatik

Jika anda seorang penduduk tetap di Negara Pindahan Automatik, maka anda mempunyai kebolehan untuk menerima bayaran, tetapi anda mesti mengeluarkan amaun penuh bayaran anda melalui kaedah pengeluaran yang disediakan. Jika anda tidak berbuat demikian, amaun akan dikeluarkan secara automatik daripada akaun PayPal anda ke kaedah pengeluaran anda secara tetap. Untuk syarat tambahan mengenai Pindahan Automatik, sila klik [di sini](#).

---

# Yuran Transaksi untuk Bayaran Dalam Talian dan Dalam Kedai

## Yuran transaksi standard

Yuran transaksi PayPal anda bergantung pada negara/rantau pembeli. Yuran yang anda bayar semasa menjual barangan atau perkhidmatan atau menerima derma dan pembeli membayar menggunakan akaun PayPal mereka (atau menggunakan dompet lain yang dibenarkan) boleh didapati dalam jadual [Yuran Bayaran Komersial](#). Sila ambil perhatian bahawa:

- Kami mungkin melaraskan yuran yang dikenakan ke atas transaksi akan datang yang anda proses menggunakan PayPal. Kami akan memberi anda sekurang-kurangnya 14 hari notis awal bagi sebarang kenaikan yuran atau pengenalan jenis yuran baharu.
- Jika anda menerima bayaran menggunakan produk PayPal (seperti PayPal Bayaran Pro), yuran yang dikenakan pada produk tersebut akan dikenakan kepada transaksi anda.

---

## Kadar peniaga

Untuk memenuhi kriteria kadar peniaga kami, anda perlu menghantar permohonan satu kali, mempunyai jumlah jualan bulanan yang layak, dan mempunyai akaun perniagaan dalam kedudukan yang baik. Untuk melihat kriteria kadar Peniaga, klik [di sini](#).

Sila ambil perhatian bahawa kadar peniaga hanya tersedia untuk peniaga dengan akaun PayPal yang didaftarkan di negara/wilayah tertentu.

---

## Yuran Bayaran Mikro

Anda mungkin layak menerima harga bayaran mikro untuk jualan barangan dan perkhidmatan melalui akaun PayPal anda, jika transaksi anda biasanya kurang daripada USD\$10 secara purata. Untuk layak, anda mesti mempunyai akaun PayPal dalam kedudukan yang baik (sebagai contoh, tiada had atau baki negatif dalam akaun PayPal anda), anda tidak boleh memproses bayaran menggunakan PayPal Bayaran Pro dan anda mesti menghantar permohonan dan mendapat kelulusan daripada kami.

Jika akaun PayPal anda diluluskan untuk menerima bayaran mikro, maka yuran yang terdapat pada [jadual Yuran Bayaran Mikro](#) akan dikenakan kepada semua transaksi untuk jualan barangan atau perkhidmatan yang diproses melalui akaun Paypal anda, dan bukannya Yuran Bayaran Komersial. Jika anda mempunyai beberapa akaun PayPal, anda mesti menghalakan transaksi bayaran mikro tersebut melalui akaun yang sesuai. Setelah transaksi diproses, PayPal tidak akan menghalakan semula transaksi melalui akaun yang berbeza.

Dengan memohon Bayaran Mikro untuk Barangan Digital, anda bersetuju bahawa untuk amaun transaksi barangan digital yang anda terima sehingga seperti di dalam [jadual](#), maka jika pembeli membuka Pertikaian, PayPal boleh lakukan transaksi berbalik dan mengalih keluar dana daripada akaun anda tanpa memerlukan pembeli untuk memanjangkan pertikaian kepada tuntutan.

---

## Bayaran Berkumpulan PayPal

Jika anda menggunakan Bayaran Berkumpulan PayPal (dahulunya Bayaran Berkumpulan), terma dalam [Terma dan Syarat Bayaran Berkumpulan PayPal](#) akan terpakai.

---

## Anda bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada PayPal tentang harga atau ralat yuran.

Selepas anda mendapat akses kepada mana-mana penyata akaun atau maklumat aktiviti akaun lain yang disediakan oleh PayPal kepada anda berhubung dengan akaun perniagaan anda, anda mempunyai enam puluh (60) hari untuk memaklumkan kepada PayPal secara bertulis berkenaan apa-apa ralat atau percanggahan berhubung harga atau yuran lain yang digunakan oleh PayPal. Jika anda tidak memaklumkan kepada PayPal dalam rangka masa tersebut, anda

mengaku bahawa maklumat tersebut sebagai tepat, dan PayPal tidak mempunyai obligasi untuk membuat apa-apa pembedaan, melainkan jika dikehendaki oleh undang-undang terpakai. Untuk tujuan peruntukan ini, ralat atau percanggahan harga atau yuran ini berlainan daripada transaksi tidak dibenarkan dan ralat pindahan elektronik lain yang masing-masing tertakluk pada tempoh masa pemberitahuan yang berbeza seperti yang dinyatakan dalam perjanjian pengguna ini.

## Bayaran Balik, Pembalikan & Caj Balik

### Maklumat umum

Jika anda menerima bayaran untuk penjualan barangan atau perkhidmatan yang kemudiannya dibayar balik atau terbatal atas apa-apa sebab, anda bertanggungjawab atas amaun penuh bayaran yang dihantar kepada anda termasuk apa-apa yuran (termasuk mana-mana [yuran caj balik](#) atau [Yuran pertikaian](#) yang dikenakan seperti yang diuraikan di bawah). Apabila transaksi dibayar balik atau dengan cara lain dibalikkan, PayPal akan membayar balik atau membalikkan transaksi daripada akaun PayPal anda dalam mata wang yang sama seperti transaksi asal. Jika baki dalam akaun PayPal anda untuk mata wang tertentu tidak mencukupi untuk menampung amaun bayaran balik atau pembalikan, PayPal akan menjalankan penukaran mata wang untuk bayaran balik atau membalikkan transaksi tersebut. Kadar pertukaran transaksi PayPal (termasuk [yuran penukaran mata wang](#) kami) pada masa bayaran balik atau pembalikan diproses akan digunakan.

Jika anda membayar balik transaksi, kami akan mengekalkan yuran yang anda bayar seperti yang ditetapkan pada halaman [Yuran](#) kami.

### Bayaran tidak sah dan dibalikkan

Bayaran kepada anda mungkin akan terbatal dan dibalikkan oleh PayPal jika:

- Anda tidak berjaya dalam tuntutan Perlindungan Pembeli PayPal yang diserahkan kepada kami oleh pembeli.
- Anda gagal memberikan respons atau memberikan maklumat yang tepat dan lengkap sebagai respons kepada pertanyaan PayPal berkaitan dengan tuntutan atau caj balik pembeli untuk transaksi tertentu tepat pada masanya dalam rangka masa yang dimaklumkan kepada anda oleh PayPal.
- Pembeli anda meneruskan caj balik yang berkaitan dengan transaksi yang dibiayai kad dan transaksi ini tidak layak untuk [Perlindungan Penjual PayPal](#). Pengeluar kad, bukan PayPal, menentukan sama ada pembeli berjaya apabila mereka meneruskan caj balik yang berkaitan dengan transaksi yang dibiayai kad.
- Anda tidak memenuhi transaksi seperti yang dijanjikan atau anda tidak dapat memberikan [bukti pengiriman atau bukti penghantaran](#) apabila diperlukan.
- Siasatan kami bagi pembalikan bank yang dibuat oleh pembeli atau bank pembeli mendapati bahawa transaksi itu adalah palsu.
- PayPal menghantar pembayaran kepada anda secara ralat.
- Bayaran tidak dibenarkan.
- Anda menerima bayaran untuk aktiviti yang melanggar perjanjian pengguna ini, [Polisi Guna Boleh Terima](#) PayPal atau perjanjian lain antara anda dan PayPal.

Apabila anda menerima bayaran, anda bertanggungjawab kepada PayPal untuk amaun penuh bayaran yang dihantar kepada anda termasuk mana-mana yuran jika bayaran tersebut kemudiannya terbatal atas apa-apa sebab. Jika pembeli membayar dalam mata wang lain, amaun penuh bayaran yang dihantar kepada anda mungkin dikira dalam mata wang tersebut, menggunakan kadar pertukaran transaksi PayPal (termasuk [yuran penukaran mata wang](#) kami) pada masa bayaran balik atau pembalikan diproses. Jika baki dalam akaun PayPal anda tidak mencukupi untuk menampung liabiliti anda untuk amaun bayaran ditambah dengan yuran, maka ini akan menyebabkan baki negatif dalam akaun PayPal anda. Mana-mana baki negatif dalam akaun PayPal anda mewakili amaun hutang anda dengan kami, dan dalam keadaan ini, anda mesti menambah dana kepada akaun PayPal anda untuk membuang baki negatif ini dengan segera. Jika anda tidak berbuat demikian, PayPal boleh:

- mendapatkan semula apa-apa amaun yang perlu dibayar kepada PayPal dengan mendebitkan baki akaun PayPal anda;
- terlibat dalam usaha kutipan untuk mendapatkan semula amaun tersebut daripada anda;
- mengambil sebarang dan semua tindakan seperti yang digariskan di bawah [Amaun Hutang dengan PayPal](#); atau
- meletakkan had atau mengambil tindakan lain ke atas akaun PayPal anda seperti yang digariskan di bawah [Aktiviti Terhad, Penahanan & Tindakan Lain yang Boleh Kami Ambil](#).

### Yuran pertikaian

PayPal akan mengenakan [Yuran pertikaian](#) kepada penjual untuk memudahkan proses penyelesaian pertikaian dalam talian untuk transaksi yang diproses sama ada melalui akaun PayPal pembeli atau melalui daftar keluar tetamu PayPal. [Yuran Pertikaian](#) dikenakan apabila pembeli menuntut tuntutan secara terus dengan PayPal, caj balik dengan pengeluar kad mereka, atau pembalikan dengan bank mereka. [Yuran pertikaian](#) akan dikenakan sama ada pada kadar [Yuran Pertikaian Standard](#) atau kadar [Yuran Pertikaian Volum Tinggi](#). [Yuran pertikaian](#) akan dikenakan dalam mata wang yang anda pilih untuk penyenaian transaksi asal. Jika transaksi tersebut dalam mata wang yang tidak disenaraikan dalam jadual [Yuran pertikaian](#), yuran akan dikenakan dalam mata wang pegangan utama anda. [Yuran pertikaian](#) akan ditolak daripada akaun PayPal anda selepas tuntutan diputuskan.

Amaun [Yuran pertikaian](#) akan ditentukan apabila pertikaian dibuat. Yuran tersebut berdasarkan nisbah jumlah amaun transaksi semua [Item Tidak Diterima](#) dan tuntutan [Ketara Tidak Seperti yang Diterangkan](#) yang anda terima berbanding dengan jumlah amaun jualan anda untuk tiga bulan kalendar sebelumnya. Jumlah

tuntutan anda termasuk semua Item yang Tidak Diterima dan tuntutan Ketara Tidak seperti yang Diterangkan yang difailkan sama ada secara terus dengan dan dikemukakan kepada PayPal atau dengan pengeluar kad atau bank pembeli. Jumlah tuntutan anda tidak termasuk tuntutan untuk Transaksi Tidak Dibenarkan. Sebagai contoh, pada bulan September, nisbah pertikaian anda akan dikira dengan mempertimbangkan jumlah tuntutan anda kepada nisbah jualan pada bulan Jun, Julai dan Ogos. Nisbah tuntutan untuk bulan September akan menentukan yuran pertikaian untuk semua tuntutan yang difailkan pada bulan Oktober.

Jika Nisbah Pertikaian anda 1.5% atau lebih dan anda mempunyai lebih daripada 100 transaksi jualan dalam tiga bulan kalendar penuh sebelumnya, anda akan dikenakan **yuran Pertikaian Volum Tinggi** untuk setiap pertikaian. Jika tidak, anda akan dikenakan **yuran Pertikaian Standard** untuk setiap pertikaian.

Anda **tidak** akan dikenakan **yuran Pertikaian Standard** untuk pertikaian iaitu :

- Pertanyaan dalam [Pusat Resolusi](#) PayPal yang tidak dinaikkan kepada tuntutan dengan PayPal.
- Diselesaikan secara terus antara anda dan pembeli dan tidak meningkat kepada tuntutan dengan PayPal.
- Dihantar oleh pembeli secara terus dengan PayPal sebagai **Transaksi Tidak Dibenarkan**.
- Disifatkan oleh PayPal mengikut budi bicara mutlaknyanya telah memenuhi semua keperluan di bawah program **Perlindungan Penjual PayPal**.
- Tuntutan dengan nilai transaksi yang kurang daripada dua kali amaun **yuran Pertikaian Standard**.
- Memutuskan memihak kepada anda oleh PayPal atau pengeluar anda.

Anda **tidak** akan dikenakan **yuran Pertikaian Volum Tinggi** untuk pertikaian adalah:

- Pertanyaan dalam [Pusat Resolusi](#) PayPal dan tidak meningkat kepada tuntutan dengan PayPal.
- Diselesaikan secara terus antara anda dan pembeli dan tidak meningkat kepada tuntutan dengan PayPal.
- Dihantar oleh pembeli secara terus dengan PayPal sebagai **Transaksi Tidak Dibenarkan**.

Penjual yang dikenakan **Yuran Pertikaian Tinggi Jumlah** mungkin diperlukan untuk menyediakan pelan pengawalseliaan termasuk penjelasan mengenai sebab peningkatan kadar pertikaian, tindakan yang diambil untuk mengurangkan pertikaian, dan garis masa untuk tindakan tersebut.

Jika anda terlibat dalam [Aktiviti Terhad](#), PayPal boleh mengenakan yuran Pertikaian Volum Tinggi untuk semua pertikaian semasa dan akan datang tanpa mengira nisbah pertikaian atau volum jualan anda, berikutan peningkatan penglibatan PayPal akibat daripada Aktiviti Terhad sedemikian.

Pertikaian yang disenaraikan di atas boleh dikecualikan daripada dikenakan **yuran Pertikaian Standard** atau **yuran Pertikaian Volum Tinggi**, tetapi tuntutan itu sendiri masih boleh dimasukkan dalam pengiraan keseluruhan nisbah pertikaian anda.

---

## Yuran caj balik

Untuk transaksi yang tidak diproses sama ada melalui akaun PayPal pembeli atau melalui daftar keluar tetamu, dan di mana pembeli meneruskan caj balik untuk transaksi dengan pengeluar kad mereka, PayPal akan mengenakan yuran caj balik untuk memudahkan proses caj balik. Yuran ini akan dikenakan tanpa mengira sama ada pembeli berjaya meneruskan caj balik dengan pengeluar kad.

Yuran caj balik yang dikenakan akan ditolak daripada akaun PayPal anda. Yuran caj balik adalah amaun yang dinyatakan pada [jadual Yuran Caj Balik](#) dalam mata wang transaksi asal. Jika transaksi tersebut berada dalam mata wang yang tidak disenaraikan dalam [jadual yuran caj balik](#), yuran yang dikenakan akan berada dalam mata wang pegangan utama anda.

Jika pembeli memfailkan caj balik, pengeluar kad, bukannya PayPal, akan menentukan pihak yang memenangi caj balik.

---

## Kesan pelbagai proses Perlindungan Pembeli kepada penjual

Anda perlu membaca dan memahami program [Perlindungan Pembeli PayPal](#) dan jika anda menjual barangan dan perkhidmatan dan menerima bayaran daripada pembeli dengan akaun PayPal di negara/rantau selain daripada lokasi anda, anda juga harus membiasakan diri dengan Perlindungan Pembeli PayPal yang tersedia kepada pembeli di setiap negara/rantau tersebut. Hak pembeli di bawah program ini boleh memberi kesan kepada anda sebagai penjual. Anda boleh mencari maklumat tentang program PayPal ini di laman [Perjanjian Undang-undang](#) dengan memilih lokasi pembeli anda di bahagian atas halaman dan merujuk perjanjian pengguna yang terpakai untuk geografi tersebut.

Jika tuntutan anda kalah di bawah program Perlindungan Pembeli PayPal di mana-mana negara/rantau:

- Anda perlu membayar balik kepada PayPal untuk liabiliti anda.
- Liabiliti anda akan merangkumi harga pembelian penuh item berserta kos pengiraman asal (dan dalam sesetengah kes, anda mungkin tidak menerima kembali item tersebut) dan yuran PayPal yang dikenakan kepada anda untuk transaksi tersebut. Ini terpakai jika anda penjual utama atau penjual sekunder barangan atau perkhidmatan. Sebagai contoh, ejen tiket acara atau ejen pelancongan dalam talian akan kehilangan amaun pembelian penuh yang dibayar oleh pembeli. Dalam sesetengah kes, anda mungkin tidak menerima kembali item tersebut.
- Tuntutan Perlindungan Pembeli hanya akan dianggap diselesaikan sepenuhnya jika:
  - bayaran balik kepada pembeli diproses melalui PayPal atau
  - anda memberi bukti yang boleh diterima kepada PayPal, mengikut budi bicara mutlaknyanya, yang pembeli bersetuju dengan penyelesaian alternatif yang diberikan.
- Anda tidak akan menerima bayaran balik yuran PayPal yang anda bayar berhubung dengan jualan.



- Jika tuntutan adalah item yang diterima Ketara Tidak Seperti yang Diterangkan, anda tidak boleh menerima item kembali, atau anda mungkin dikehendaki untuk menerima item kembali dan membayar kos pengiriman balik.
- Jika tuntutan adalah item yang diterima Ketara Tidak Seperti yang Diterangkan dan berkaitan dengan item palsu yang anda jual, anda akan dikehendaki untuk memberi bayaran balik penuh kepada pembeli dan anda tidak boleh menerima item kembali.

## Program Perlindungan Penjual PayPal

### Perkara yang layak

Jika anda menjual barangan atau perkhidmatan kepada pembeli, anda mungkin layak untuk menerima perlindungan di bawah program [Perlindungan Penjual PayPal](#). Program [Perlindungan Penjual PayPal](#) membolehkan anda mengekalkan amaun pembelian penuh, apabila terpakai. PayPal menentukan, mengikut budi bicara mutlakannya, sama ada tuntutan anda layak untuk program Perlindungan Penjual PayPal. Tiada had bagi bilangan bayaran yang layak untuk program Perlindungan Penjual PayPal. Dengan mengakses halaman butiran transaksi dalam akaun PayPal anda, anda boleh melihat transaksi anda yang mungkin layak untuk perlindungan di bawah program ini.

Terma dan syarat program dinyatakan dalam halaman program [Perlindungan Penjual PayPal](#) dan merupakan sebahagian daripada perjanjian pengguna ini.



### Aktiviti Terhad, Penahanan & Tindakan Lain yang Mungkin Kami Ambil

## Aktiviti Terhad

Berhubung dengan penggunaan laman web kami, akaun PayPal anda, perkhidmatan PayPal, atau dalam interaksi anda dengan PayPal, pelanggan PayPal lain, atau pihak ketiga, anda tidak akan:

- Melanggar perjanjian pengguna ini, [Polisi Guna Boleh Terima PayPal](#), Perjanjian Entiti Komersial (jika terpakai kepada anda), atau mana-mana [perjanjian lain](#) antara anda dan PayPal.
- Melanggar sebarang undang-undang, statut, ordinar atau peraturan (sebagai contoh, perkhidmatan kewangan yang mentadbir, perlindungan pengguna, persaingan tidak adil, antidiskriminasi atau pengiklanan palsu).
- Melanggar hak cipta, paten, tanda dagangan, rahsia perdagangan atau hak harta intelektual PayPal atau mana-mana pihak ketiga yang lain, atau hak publisiti atau privasi.
- Menjual barangan palsu.
- Bertindak dengan cara yang memfitnah, mencerca perdagangan, mengancam atau mengganggu.
- Memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan.
- Menghantar atau menerima perkara yang kami percaya sebagai dana yang berpotensi palsu.
- Terlibat dalam aktiviti dan/atau transaksi yang berpotensi palsu atau mencurigakan.
- Enggan bekerjasama dalam siasatan atau memberikan pengesahan identiti anda atau apa-apa maklumat yang anda berikan kepada kami.
- Mencuba untuk mendapatkan dua sumber bayaran semasa pertikaian dengan menerima atau mencuba untuk menerima dana daripada PayPal dan penjual, bank atau pengeluar kad untuk transaksi yang sama.
- Mengawal akaun yang dipautkan ke akaun lain yang telah terlibat dalam sebarang aktiviti terhad ini.
- Menjalankan perniagaan anda atau menggunakan perkhidmatan PayPal dengan cara yang mengakibatkan atau boleh mengakibatkan:
  - aduan;
  - permintaan oleh pembeli (sama ada difailkan dengan kami atau pengeluar kad) untuk menjadikan bayaran yang dibuat kepada anda tidak sah; atau;
  - yuran, denda, penalti atau liabiliti atau kerugian lain kepada PayPal, pelanggan PayPal lain, pihak ketiga atau anda.
- Menggunakan akaun PayPal anda atau perkhidmatan PayPal dalam cara yang PayPal, Visa, MasterCard, American Express, Discover atau mana-mana rangkaian pindahan dana elektronik lain percaya merupakan penyalahgunaan sistem kad atau pelanggaran persatuan kad atau peraturan rangkaian.
- membenarkan akaun PayPal anda mempunyai baki negatif.
- Menyediakan diri anda pendahuluan tunai daripada kad kredit anda (atau membantu orang lain untuk berbuat demikian).
- Mengakses perkhidmatan PayPal dari negara yang tidak termasuk dalam [senarai negara dibenarkan](#) PayPal;
- Mengambil sebarang tindakan yang mengenakan beban yang tidak munasabah atau tidak seimbang di laman web, perisian, sistem kami (termasuk sebarang rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan apa jua perkhidmatan PayPal) yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami atau



perkhidmatan PayPal; memudahkan sebarang virus, kuda trojan, perisian hasad, cacing atau rutin pengaturcaraan komputer lain yang cuba atau mungkin merosakkan, mengganggu, mencemarkan, menyalahgunakan, mengganggu dengan cara yang membahayakan, memintas atau merampas secara curi-curi, atau mendapatkan akses yang tidak dibenarkan ke mana-mana sistem, data, maklumat atau perkhidmatan PayPal; menggunakan proksi tanpa nama; menggunakan sebarang robot, labah-labah atau peranti automatik lain, atau proses manual untuk memantau atau menyalin laman web kami tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada kami; menggunakan sebarang peranti, perisian atau rutin untuk memintas pengepala pengecualian robot kami; atau mengganggu atau mengacau atau cuba untuk mengganggu atau mengacau laman web, perisian, sistem kami (termasuk sebarang rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan apa jua perkhidmatan PayPal) yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami, mana-mana perkhidmatan PayPal atau penggunaan pengguna lain bagi sebarang perkhidmatan PayPal.

- Mengambil apa-apa tindakan yang boleh menyebabkan kami kehilangan mana-mana perkhidmatan daripada pembekal perkhidmatan Internet kami, pemproses bayaran, atau pembekal atau penyedia perkhidmatan lain.
- Menggunakan perkhidmatan PayPal untuk menguji tingkah laku kad kredit.
- Memintas mana-mana dasar PayPal atau penentuan tentang akaun PayPal anda seperti penggantungan sementara atau yang tidak terhad masa atau penahanan, had atau sekatan akaun lain, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, melibatkan diri dalam tindakan yang berikut: mencuba untuk membuka akaun PayPal baharu atau tambahan apabila akaun PayPal mempunyai baki negatif atau telah disekat, digantung atau dalam hal lain, terhad; membuka akaun PayPal baharu atau tambahan menggunakan maklumat yang bukan milik anda (cth. nama, alamat, alamat e-mel, dll.); atau menggunakan akaun PayPal orang lain.
- Mengganggu dan/atau mengugut pekerja, ejen atau pengguna lain.
- Penyalahgunaan proses penyelesaian pertikaian dalam talian kami dan/atau program Perlindungan Pembeli PayPal dan/atau Perlindungan Penjual PayPal.
- Menyebabkan kami menerima sejumlah tuntutan tidak seimbang yang telah ditutup dan memihak kepada pihak menuntut mengenai akaun PayPal atau perniagaan anda.
- Mempunyai skor kredit daripada agensi pelaporan kredit yang menunjukkan tahap risiko tinggi yang berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan PayPal anda.
- Mendedahkan atau mengedarkan maklumat pengguna lain kepada pihak ketiga, atau menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan pemasaran melainkan anda menerima kebenaran yang jelas daripada pengguna untuk berbuat demikian.
- Menghantar e-mel yang tidak diminta kepada pengguna atau menggunakan perkhidmatan PayPal untuk mengumpul bayaran bagi menghantar atau membantu dalam penghantaran, e-mel tanpa diminta kepada pihak ketiga.
- Menyalin, mengeluarkan semula, berkomunikasi dengan mana-mana pihak ketiga, mengubah, mengubah suai, mencipta karya terbitan, memaparkan atau membingkai sebarang kandungan daripada laman web PayPal kepada umum tanpa kebenaran bertulis pihak ketiga yang berkenaan.
- Mendedahkan kata laluan akaun anda kepada orang lain, atau menggunakan kata laluan orang lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap kerugian yang ditanggung oleh anda termasuk, tanpa had, penggunaan akaun anda oleh mana-mana individu selain daripada anda yang timbul akibat penyalahgunaan kata laluan.

## Tindakan yang Kami mungkin ambil jika anda melibatkan diri dalam sebarang Aktiviti Terhad

Jika kami percaya anda terlibat dalam mana-mana aktiviti ini, kami mungkin mengambil beberapa tindakan untuk melindungi PayPal, pelanggannya dan pihak lain pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak kami. Tindakan yang mungkin diambil termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yang berikut:

- Menamatkan perjanjian pengguna ini, menahkalkan akaun PayPal anda, dan/atau menutup atau menggantung akaun PayPal anda, dengan serta-merta dan tanpa penalti kepada kami;
- Enggan menyediakan perkhidmatan PayPal kepada anda sekarang dan pada masa akan datang;
- Menahkalkan akses anda ke laman web, perisian, sistem kami (termasuk sebarang rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan apa jua perkhidmatan PayPal) yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami, akaun PayPal anda atau mana-mana perkhidmatan PayPal, termasuk menahkalkan keupayaan anda untuk membayar atau menghantar bayaran dengan mana-mana kaedah bayaran yang dipautkan ke akaun PayPal anda, menyekat keupayaan anda untuk menghantar bayaran atau membuat pengeluaran;
- Memegang baki dalam akaun PayPal anda jika sewajarnya perlu untuk melindungi daripada risiko liabiliti terhadap PayPal atau pihak ketiga, atau jika anda telah melanggar [Polisi Guna Boleh Terima](#) kami. Pegangan boleh kekal lebih lama dari 180 hari menurut [Perintah Mahkamah, Keperluan Kawal Selia atau Proses Perundangan Lain](#);
- Menggantung kelayakan anda untuk program Perlindungan Pembeli dan/atau program Perlindungan Penjual PayPal;
- Menghubungi pembeli yang telah membeli barangan atau perkhidmatan daripada anda menggunakan PayPal, bank atau pengeluar kad kredit anda, lain-lain pihak ketiga yang terkesan atau penguatkuasaan undang-undang berkaitan tindakan anda;
- Mengemas kini maklumat yang tidak tepat yang anda berikan kepada kami;
- Mengambil tindakan perundangan terhadap anda;
- Memegang, menggunakan atau memindahkan dana dalam akaun PayPal anda seperti yang dikehendaki oleh penghakiman dan arahan yang memberi kesan kepada anda atau akaun PayPal anda, termasuk penghakiman dan arahan yang dikeluarkan oleh mahkamah di Singapura atau di tempat lain dan ditujukan kepada PayPal atau ahli gabungannya;
- Jika anda telah melanggar [Polisi Guna Boleh Terima](#) kami, atau jika anda seorang penjual dan menerima dana untuk transaksi yang melanggar [Polisi Guna Boleh Terima](#), maka anda juga bertanggungjawab terhadap ganti rugi kepada PayPal yang disebabkan oleh pelanggaran polisi ini; atau

- Jika anda seorang penjual dan menerima dana untuk transaksi yang melanggar Polisi Guna Boleh Terima dan pelanggaran tersebut berkaitan dengan penipuan atau penjualan barangan palsu atau dalam hal yang lain, melanggar hak harta intelektual, maka sebagai tambahan kepada dikenakan tindakan di atas, anda akan bertanggungjawab kepada PayPal terhadap amaun kerugian PayPal yang disebabkan oleh pelanggaran tersebut. Anda mengakui dan bersetuju bahawa USD\$2,500 (atau nilai yang setara) bagi setiap pelanggaran pada masa ini ialah anggaran minimum yang munasabah bagi kerugian sebenar PayPal – termasuk, tetapi tidak terhad kepada kos pentadbiran dalaman yang ditanggung oleh PayPal untuk memantau dan menjejak pelanggaran, kerugian kepada jenama dan reputasi PayPal serta penalti yang dikenakan ke atas PayPal oleh rakan perniagaannya akibat daripada pelanggaran yang berkaitan dengan penipuan atau penjualan barangan yang palsu atau dalam hal lain, yang melanggar hak harta intelektual – menimbangkan semua keadaan yang sedia ada, termasuk hubungan jumlah julat kemudaran kepada PayPal yang boleh dijangka dengan sewajarnya, kerana, disebabkan oleh sifat pelanggaran, kerugian sebenar akan menjadi tidak praktikal atau sangat sukar untuk dikira. PayPal boleh menolak ganti rugi tersebut secara langsung daripada mana-mana baki sedia ada dalam mana-mana akaun PayPal yang anda kawal.
- Mengenakan yuran Pertikaian Volum Tinggi untuk semua pertikaian semasa dan akan datang tanpa mengira nisbah pertikaian atau volum jualan anda berikutan peningkatan penglibatan PayPal akibat daripada Aktiviti Terhad sedemikian.

Jika kami menutup akaun PayPal anda atau menamatkan penggunaan perkhidmatan PayPal anda atas sebarang sebab, kami akan memberikan anda notis tindakan kami dan menjadikan sebarang dana tidak terhad dalam akaun PayPal anda tersedia untuk pengeluaran.

Anda bertanggungjawab untuk semua pembalikan, caj balik, tuntutan, yuran, denda, penalti dan liabiliti lain yang ditanggung oleh PayPal, mana-mana pelanggan PayPal atau pihak ketiga yang disebabkan oleh atau timbul daripada pelanggaran perjanjian pengguna ini, dan/atau penggunaan perkhidmatan PayPal anda.

## Penahanan, Had, & Rizab

### Apa itu penahanan, had dan rizab

Di bawah keadaan tertentu, dalam usaha untuk melindungi PayPal serta keselamatan dan integriti rangkaian pembeli dan penjual yang menggunakan perkhidmatan PayPal, PayPal boleh mengambil tindakan oada peringkat akaun atau transaksi. Melainkan dinyatakan sebaliknya, jika kami mengambil sebarang tindakan yang diterangkan di sini, kami akan memberikan anda notis tindakan kami, tetapi kami akan mengekalkan budi bicara mutlak untuk mengambil tindakan ini. Untuk meminta maklumat berhubung dengan had akaun, penahanan atau rizab, anda perlu melawat Pusat Resolusi atau mengikuti arahan dalam notis e-mel kami berkenaan had, penahanan atau rizab.

Keputusan kami tentang penahanan, had dan rizab mungkin berdasarkan kriteria sulit yang penting kepada pengurusan risiko dan perlindungan PayPal, pelanggan dan/atau pembekal perkhidmatan kami. Kami boleh menggunakan pemodelan penipuan dan risiko proprietari apabila menilai risiko yang berkaitan dengan akaun PayPal anda. Di samping itu, kami mungkin dihadkan oleh peraturan atau pihak berkuasa kerajaan daripada mendedahkan maklumat tertentu kepada anda tentang keputusan sedemikian. Kami tidak bertanggungjawab untuk mendedahkan butiran pengurusan risiko atau prosedur keselamatan kami kepada anda.

Dalam usaha untuk memudahkan tindakan PayPal yang diterangkan di atas dan membolehkan kami untuk menilai tahap risiko yang berkaitan dengan akaun PayPal anda, anda bersetuju untuk bekerjasama dengan permintaan PayPal yang munasabah untuk penyata kewangan dan dokumen atau maklumat lain tepat pada masanya.

### Penahanan

Penahanan adalah tindakan yang mungkin diambil oleh PayPal di bawah keadaan tertentu sama ada pada peringkat transaksi atau peringkat akaun. Apabila PayPal menahan sementara bayaran, dana tersebut tidak tersedia kepada pengirim atau penerima. PayPal menyemak banyak faktor sebelum menahan bayaran, termasuk: tempoh akaun, aktiviti transaksi, jenis perniagaan, pertikaian pelanggan yang lalu dan kepuasan pelanggan secara keseluruhan. Sesetengah situasi biasa di mana PayPal akan menahan bayaran termasuk:

- Penjual baharu atau penjual yang mempunyai aktiviti jualan yang terhad.
- Bayaran untuk kategori berisiko lebih tinggi seperti elektronik atau tiket.
- Penjual yang mempunyai isu prestasi, atau kadar tinggi bagi ketidakpuasan pembeli atau pertikaian.

### Penahanan berdasarkan keputusan risiko PayPal

Kami mungkin menahan bayaran yang dihantar ke akaun PayPal anda, jika menurut budi bicara mutlak kami, kami percaya bahawa mungkin terdapat tahap risiko tinggi yang berkaitan dengan anda, akaun PayPal anda, atau transaksi anda atau penahanan sedemikian adalah perlu untuk mematuhi keperluan peraturan. Kami membuat keputusan sama ada untuk menahan bayaran berdasarkan beberapa faktor, termasuk maklumat yang tersedia kepada kami daripada sumber dalaman dan pihak ketiga. Apabila kami menahan bayaran, dana tersebut akan muncul dalam akaun PayPal anda dengan petunjuk bahawa ia tidak tersedia atau tergantung. Kami akan memaklumkan kepada anda, sama ada melalui akaun PayPal anda atau secara langsung melalui telefon atau e-mel, apabila kami membuat penahanan.

Penahanan berasaskan risiko secara umumnya kekal sehingga 30 hari dari tarikh bayaran diterima ke dalam akaun PayPal anda, kecuali PayPal mempunyai sebab untuk terus menahan pembayaran. Kami mungkin membuang penahanan lebih awal di bawah keadaan tertentu (contohnya, jika anda telah memuat naik maklumat penjejakan pengiriman yang berkaitan dengan transaksi tersebut), tetapi sebarang pelepasan yang lebih awal adalah mengikut budi bicara mutlak kami. Penahanan mungkin lebih lama dari 30 hari jika bayaran dicabar sebagai bayaran yang perlu dibatalkan dan dibalikkan berdasarkan transaksi pertikaian

seperti yang dibincangkan dalam perenggan berikut di bawah. Dalam kes ini, kami akan menahan bayaran dalam akaun PayPal anda sehingga perkara tersebut diselesaikan.

---

## Penahanan berkaitan transaksi Pasaran

Jika anda seorang penjual di pasaran atau melalui aplikasi pihak ketiga di mana PayPal ditawarkan, penahanan boleh dibuat pada bayaran yang dihantar kepada anda atas arahan pasaran atau pihak ketiga yang berkenaan. Tindakan ini dilakukan sebaik sahaja anda memberi kami kebenaran untuk memegang dana anda dan akan selaras dengan perjanjian anda bersama pihak ketiga. Penahanan ini akan muncul dalam akaun PayPal anda. Jika anda mempunyai soalan tentang sebab pasaran atau pihak ketiga yang berkenaan mengarahkan PayPal untuk membuat penahanan ini, anda perlu menghubungi pasaran atau pihak ketiga secara langsung.

---

## Penahanan berdasarkan transaksi dipertikaikan

Jika bayaran yang dihantar kepada anda sebagai penjual dicabar sebagai bayaran yang perlu dibatalkan dan dibalikkan, kami mungkin menahan sementara dana dalam akaun PayPal anda untuk menampung amaun yang boleh dibalikkan. Sebarang situasi yang diterangkan di bawah Bayaran Balik, Pembalikan dan Caj Balik adalah situasi yang boleh menyebabkan kami menahan bayaran. Jika kami menentukan transaksi tidak boleh dibalikkan, kami akan membuang penahanan sementara. Jika kami menentukan transaksi perlu dibalikkan, kami akan mengeluarkan dana daripada akaun PayPal anda.

---

## Had Akaun

Had menghalang anda daripada melengkapkan tindakan tertentu menggunakan akaun PayPal anda, seperti mengeluarkan, menghantar atau menerima bayaran. Had ini dilaksanakan untuk membantu melindungi PayPal, pembeli dan penjual apabila kami melihat **aktiviti terhad**, peningkatan risiko kewangan atau aktiviti yang kelihatan luar biasa atau mencurigakan. Had juga membantu kami mengumpul maklumat yang diperlukan untuk memastikan akaun PayPal anda dibuka.

Terdapat beberapa sebab kami boleh mengehadkan akses anda ke akaun PayPal anda atau perkhidmatan PayPal, dan/atau had akses kepada dana anda, termasuk:

- Jika kami mengesyaki seseorang mungkin menggunakan akaun PayPal anda tanpa pengetahuan anda, kami akan mengehadkannya untuk perlindungan anda dan meneliti aktiviti penipuan.
- Jika pengeluar kad debit atau kredit anda memberi amaran kepada kami bahawa seseorang telah menggunakan kad anda tanpa kebenaran anda. Begitu juga, jika bank anda memberitahu kami bahawa terdapat pemindahan yang tidak dibenarkan di antara akaun PayPal anda dan akaun bank anda.
- Dalam usaha untuk mematuhi undang-undang berkenaan.
- Jika kami secara munasabah percaya bahawa anda telah melanggar perjanjian ini atau melanggar Dasar Guna Boleh Terima.
- Prestasi penjual menunjukkan akaun PayPal anda berisiko tinggi. Contoh termasuk: petunjuk prestasi jualan yang teruk kerana anda telah menerima sejumlah tuntutan dan caj balik yang luar biasa dan tinggi, menjual produk baharu atau mempunyai kos yang tinggi, atau jika jumlah jualan biasa anda meningkat secara mendadak.

Jika kami mengehadkan akses kepada akaun PayPal anda, kami akan memberikan anda notis tentang tindakan kami dan peluang untuk meminta pemulihan akses jika menurut budi bicara mutlak kami, dianggap sesuai.

Anda akan perlu menyelesaikan sebarang isu dengan akaun anda sebelum had boleh dialihkan. Biasanya, ini dilakukan selepas anda memberi maklumat yang kami minta. Walau bagaimanapun, jika kami percaya secara munasabah bahawa risiko masih wujud selepas anda memberikan maklumat tersebut, kami mungkin mengambil tindakan untuk melindungi PayPal, pengguna kami, pihak ketiga, atau anda daripada pembalikan, yuran, denda, penalti, risiko perundangan dan/atau kawal selia dan sebarang liabiliti lain.

---

## Rizab

Kami mungkin meletakkan rizab pada akaun PayPal anda jika kami percaya bahawa mungkin terdapat tahap risiko tinggi yang berkaitan dengan anda, akaun PayPal anda, model perniagaan anda atau transaksi anda. Apabila kami meletakkan rizab pada akaun PayPal anda, ini bermakna kesemua atau sesetengah transaksi akan ditunjukkan sebagai "belum selesai" dalam baki akaun PayPal anda, dan anda tidak akan dapat mengeluarkan dana dalam status "belum selesai", untuk melindungi daripada risiko transaksi yang telah anda buat dibalikkan atau tidak sah atau mana-mana risiko lain yang berkaitan dengan akaun PayPal anda atau penggunaan perkhidmatan PayPal. Kami membuat keputusan sama ada untuk meletakkan rizab berdasarkan beberapa faktor, termasuk maklumat yang tersedia kepada kami daripada sumber dalaman dan pihak ketiga.

PayPal mempertimbangkan senarai faktor bukan eksklusif, dan sama ada dan bagaimana faktor ini berubah mengikut masa, termasuk:

- Tempoh anda telah berniaga.
- Sama ada industri anda mempunyai kemungkinan caj balik yang lebih tinggi.
- Sejarah pemprosesan bayaran anda dengan PayPal dan pembekal lain.
- Sejarah perniagaan dan/atau kredit peribadi anda.
- Tempoh masa penghantaran anda.
- Sama ada anda mempunyai purata bilangan pulangan, caj balik, tuntutan dan pertikaian yang lebih tinggi.

Sekiranya kami meletakkan rizab pada dana di dalam akaun anda, kami akan memaklumkan anda tentang tindakan kami dan terma-terma rizab tersebut.

Terdapat dua kategori rizab yang boleh diletakkan pada akaun PayPal anda, dan satu atau kedua-duanya boleh digunakan pada masa yang sama:

- **Rizab boleh pinda** adalah rizab di mana peratusan setiap transaksi yang anda terima setiap hari disimpan dan dilepaskan kemudian secara berjadual. Sebagai contoh, rizab anda boleh ditetapkan pada 10% dan disimpan untuk tempoh boleh pinda 90 hari – bermakna 10% daripada dana yang anda terima pada hari 1 akan disimpan dan kemudian dilepaskan pada hari 91, 10% daripada dana yang anda terima pada hari 2 disimpan sehingga hari 92, dan seterusnya. Rizab boleh pinda adalah jenis rizab yang paling biasa.
- **Rizab minimum** ialah amaun minimum tertentu yang anda perlu simpan dalam baki akaun PayPal anda pada setiap masa. Rizab minimum sama ada diambil sebagai amaun pendahuluan yang didepositkan sekali gus (juga dipanggil Rizab pendahuluan) atau diwujudkan atas dasar berterusan daripada peratusan jualan sehingga rizab minimum dicapai, sama seperti rizab berterusan.

Sekiranya kami menukar terma rizab disebabkan perubahan dalam penilaian risiko kami, kami akan memaklumkan kepada anda tentang terma baharu tersebut.

## Perintah Mahkamah, Keperluan Kawal Selia atau Proses Perundangan Lain

Sekiranya kami dimaklumkan tentang perintah mahkamah atau proses perundangan lain (termasuk garnisan atau proses yang setaraf) yang melibatkan anda, atau sekiranya kami percaya bahawa kami dikehendaki untuk berbuat demikian untuk mematuhi keperluan perundangan atau peraturan yang berkenaan, kami mungkin dikehendaki mengambil tindakan tertentu, termasuk menahan bayaran kepada/daripada akaun PayPal anda, meletakkan rizab atau had pada akaun PayPal anda, atau melepaskan dana anda. Kami akan memutuskan, mengikut budi bicara mutlak kami, tindakan yang diperlukan oleh kami. Melainkan perintah mahkamah, perundangan yang terpakai, keperluan kawal selia atau proses perundangan yang lain mengehendaki sebaliknya, kami akan memaklumkan kepada anda tentang tindakan ini. Kami tidak mempunyai kewajiban untuk mempertikaikan atau merayu sebarang perintah mahkamah atau proses perundangan yang melibatkan anda atau akaun PayPal anda. Apabila kami melaksanakan penahanan, rizab atau had disebabkan perintah mahkamah, perundangan yang terpakai, keperluan kawal selia atau proses perundangan yang lain, penahanan rizab atau had mungkin kekal seperti yang diperlukan sebagaimana yang ditentukan oleh PayPal.



### Liabiliti untuk Transaksi Tidak Dibenarkan

## Perlindungan daripada Transaksi Tidak Dibenarkan

Untuk melindungi diri anda daripada aktiviti yang tidak dibenarkan dalam akaun PayPal anda, anda perlu selalu log masuk ke akaun PayPal anda dan menyemak penyata akaun PayPal anda. PayPal akan memaklumkan kepada anda tentang setiap transaksi dengan menghantar e-mel ke alamat e-mel utama anda pada fail. Anda perlu menyemak pemberitahuan transaksi ini untuk memastikan bahawa setiap transaksi telah dibenarkan dan diselesaikan dengan tepat.

PayPal akan melindungi anda daripada aktiviti yang tidak dibenarkan dalam akaun PayPal anda. Apabila perlindungan ini terpakai, PayPal akan melindungi anda untuk jumlah penuh aktiviti yang tidak dibenarkan selagi anda bekerjasama dengan kami dan mengikut prosedur yang diterangkan di bawah.

### Apa itu Transaksi Tidak Dibenarkan

"Transaksi Tidak Dibenarkan" berlaku apabila bayaran dihantar daripada akaun PayPal anda tanpa kebenaran anda dan tidak memberi manfaat kepada anda. Sebagai contoh, sekiranya seseorang mencuri kata laluan anda, menggunakan kata laluan tersebut untuk mengakses akaun PayPal anda dan menghantar bayaran daripada akaun PayPal anda, satu Transaksi Tidak Dibenarkan telah berlaku.

### Perkara yang tidak dianggap sebagai Transaksi Tidak Dibenarkan

Perkara berikut TIDAK dianggap sebagai Transaksi Tidak Dibenarkan:

- Sekiranya anda memberikan seseorang akses kepada akaun PayPal anda (dengan memberi mereka maklumat log masuk anda) dan mereka menggunakan akaun PayPal anda tanpa pengetahuan atau kebenaran anda. Anda bertanggungjawab untuk transaksi yang dibuat dalam situasi ini.
- Pembatalan dan pembalikan bayaran akibat tindakan yang diterangkan di bawah [Bayaran Balik, Pembalikan dan Caj Balik](#).

### Melaporkan Transaksi Tidak Dibenarkan

Anda harus menghubungi [Perkhidmatan pelanggan PayPal](#) dengan segera sekiranya anda percaya:

- terdapat Transaksi Tidak Dibenarkan yang dihantar daripada akaun anda;
- terdapat akses yang tidak dibenarkan ke akaun anda;
- maklumat log masuk PayPal anda telah hilang atau dicuri; atau
- sebarang peranti yang anda telah gunakan untuk mengakses akaun PayPal telah hilang, dicuri atau dinyahaktifkan.

Anda mesti memberikan kepada kami semua maklumat yang tersedia berkaitan keadaan sebarang Transaksi Tidak Dibenarkan, dan/atau salah guna atau penggunaan akaun anda yang tidak dibenarkan, dan mengambil semua langkah sewajarnya yang diminta untuk membantu PayPal dalam siasatan.

Jika anda memaklumkan kepada kami tentang Transaksi Tidak Dibenarkan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari transaksi tersebut dan kami berpuas hati bahawa ia merupakan Transaksi Tidak Dibenarkan, anda akan layak untuk perlindungan 100% Transaksi Tidak Dibenarkan.

## Resolusi Ralat

### Apa itu Ralat

"Ralat" bermaksud perkara berikut:

- ralat pemrosesan yang dibuat oleh PayPal atau pembekalnya di mana akaun PayPal anda tersilap didebitkan atau dikreditkan, atau apabila transaksi tidak direkodkan dengan betul di dalam akaun PayPal anda.
- Anda menghantar bayaran dan amaun yang tidak betul didebitkan daripada akaun PayPal anda.
- Transaksi hilang atau tidak dikenal pasti dengan betul dalam penyata akaun PayPal anda.
- Kami melakukan ralat pengiraan atau matematik yang berkaitan dengan akaun PayPal anda.

### Apa yang tidak dianggap sebagai Ralat

Perkara berikut TIDAK dianggap sebagai ralat:

- Sekiranya anda memberikan seseorang akses kepada akaun PayPal anda (dengan memberi mereka maklumat log masuk anda) dan mereka menggunakan akaun PayPal anda tanpa pengetahuan atau kebenaran anda. Anda bertanggungjawab atas transaksi yang dibuat dalam situasi ini.
- Pembatalan dan pembalikan bayaran akibat tindakan yang diterangkan di bawah [Bayaran Balik, Pembalikan dan Caj Balik](#).
- Sekiranya anda tersilap menghantar bayaran kepada pihak yang salah, atau menghantar bayaran amaun yang salah (berdasarkan kesilapan tipografi, misalnya). (Satu-satunya bantuan untuk anda dalam contoh ini adalah menghubungi pihak yang anda hantar bayaran dan meminta mereka untuk membayar balik bayaran tersebut. PayPal tidak akan membayar balik kepada anda atau membalikkan kesilapan pembayaran yang telah anda buat.)

### Dalam kes ralat atau persoalan mengenai pindahan elektronik anda

Hubungi kami di [Pusat Resolusi](#) kami.

Maklumkan kepada kami secepat mungkin jika anda berpendapat yang penyata atau resit anda itu salah atau sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai pindahan yang disenaraikan pada penyata atau resit. Kami mesti mendapatkan makluman daripada anda tidak lewat dari enam puluh (60) hari selepas kami menghantar penyata PERTAMA yang masalah atau ralat tersebut muncul. Maklumkan kepada kami nama, alamat e-mel dan nombor akaun anda (sekiranya ada).

- Huraikan ralat atau pindahan yang anda tidak pasti, dan terangkan dengan jelas seboleh yang mungkin sebab anda percaya ia adalah satu ralat atau mengapa anda memerlukan maklumat lanjut.
- Beritahu kami amaun dolar untuk ralat yang disyaki.

Sekiranya anda memaklumkan kepada kami secara lisan, kami mungkin memerlukan anda menghantar aduan atau soalan secara bertulis kepada kami dalam masa 10 [Hari Bekerja](#). Kami akan melengkapkan siasatan kami dalam masa 10 [Hari Bekerja](#) selepas kami menerima pemberitahuan anda mengenai ralat yang disyaki. Walau bagaimanapun, sekiranya kami memerlukan masa yang lebih lama, kami mungkin mengambil masa sehingga 45 hari untuk menyiasat aduan atau soalan anda. Sekiranya kami membuat keputusan untuk melakukan ini, kami akan mengkreditkan akaun PayPal anda dalam masa 10 [Hari Bekerja](#) untuk amaun yang anda fikir ralat, supaya anda akan mempunyai kredit sementara sepanjang tempoh masa yang diambil oleh kami untuk melengkapkan siasatan. Kami akan memaklumkan kepada anda tentang kredit sementara dalam tempoh 2 [Hari Bekerja](#) selepas dikreditkan. Sekiranya kami meminta anda untuk meletakkan aduan atau soalan anda secara bertulis dan kami tidak menerimanya dalam tempoh 10 [Hari Bekerja](#), kami mungkin tidak akan memberikan kredit sementara dalam akaun Paypal anda.

Kami mungkin mengambil masa sehingga sembilan puluh (90) hari untuk menyiasat aduan atau pertanyaan anda bagi ralat yang melibatkan akaun PayPal baharu, transaksi di tempat jualan, atau transaksi yang dimulakan dari luar negara. Untuk akaun PayPal baharu (transaksi pertama daripada akaun anda kurang dari 30 [Hari Bekerja](#) dari tarikh anda memaklumi kami), kami mungkin mengambil masa sehingga 20 [Hari Bekerja](#) untuk menyelesaikan siasatan.



Kami akan memaklumkan kepada anda keputusan dalam tempoh 3 **Hari Bekerja** selepas melengkapkan siasatan kami. Sekiranya kami memutuskan bahawa tiada ralat berlaku, kami akan menghantar penjelasan bertulis tentang keputusan kami. Sekiranya anda menerima kredit sementara, kami akan mengeluarkannya daripada akaun anda dan memberitahu anda tarikh dan amaun yang didebitkan. Anda boleh meminta salinan dokumen yang kami gunakan dalam siasatan kami.

Sekiranya kami menentukan bahawa terdapat ralat yang berlaku, kami akan segera mengkreditkan amaun penuh ke dalam akaun anda dalam masa 1 Hari Bekerja daripada keputusan kami. Atau, sekiranya anda sudah menerima kredit sementara, anda akan dibenarkan untuk mengekalkan amaun tersebut.

## Ralat Pemprosesan

Kami akan memperbetulkan sebarang ralat pemprosesan yang kami temui. Sekiranya ralat tersebut menyebabkan:

- Anda menerima kurang daripada amaun sebenar yang sepatutnya anda layak terima, maka kami akan mengkreditkan akaun PayPal anda dengan perbezaan antara nilai yang anda perlu terima dan nilai sebenar yang anda terima.
- Anda menerima lebih daripada amaun sebenar yang sepatutnya anda layak terima, maka kami akan mendebitkan akaun PayPal anda dengan perbezaan antara nilai yang anda perlu terima dan nilai sebenar yang anda terima.
- Kami tidak melengkapkan transaksi pada masa atau dalam amaun yang betul, maka kami akan bertanggungjawab kepada anda untuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh kegagalan ini, melainkan:
  - bukan kerana kesilapan kami, anda tidak mempunyai dana yang cukup untuk melengkapkan transaksi;
  - sistem kami tidak berfungsi dengan betul dan anda tahu tentang perkara itu apabila anda memulakan transaksi; atau
  - ralat adalah disebabkan keadaan luar biasa yang berada di luar kawalan kami (seperti kebakaran, banjir atau sambungan Internet yang terputus), walaupun langkah berjaga-jaga yang munasabah telah kami ambil.

Ralat pemprosesan bukanlah:

- Kelewatan akibat daripada PayPal melaksanakan **penahanan, had atau rizab**.
- Kelewatan berdasarkan **semakan bayaran**.
- Kelewatan yang diterangkan di bawah **Bagaimana cara membeli sesuatu** yang berkaitan dengan tempoh masa yang mungkin diambil untuk transaksi pembelian diselesaikan dalam sesetengah situasi.
- Ralat yang anda lakukan semasa membuat transaksi (contohnya, tersalah taip amaun yang anda hantar).



Terma Perundangan Lain

## Komunikasi Antara Anda dan Kami

Anda bersetuju bahawa PayPal dan sekutunya boleh menghubungi anda melalui e-mel untuk tujuan pemasaran. Anda boleh memilih untuk keluar daripada menerima komunikasi pemasaran apabila anda membuka akaun PayPal dengan menukar pilihan akaun anda atau dengan mengklik pada pautan berhenti melanggan dalam mana-mana e-mel atau resit PayPal yang anda terima daripada kami. Sila benarkan sehingga 10 Hari Bekerja untuk pemilihan tersebut dikuatkuasakan. Kami akan memberikan maklumat fakta mengenai akaun anda atau perkhidmatan PayPal, walaupun anda telah memilih untuk tidak menerima komunikasi pemasaran.

Sekiranya anda memberi nombor telefon bimbit anda kepada kami, anda bersetuju bahawa PayPal dan sekutunya boleh menghubungi anda dengan nombor tersebut menggunakan panggilan auto dail atau mesej prarakam atau mesej teks untuk: (i) memaklumkan kepada anda tentang penggunaan Perkhidmatan PayPal dan/atau memberi khidmat sokongan akaun PayPal anda, (ii) menyiasat atau mencegah penipuan, atau (iii) mengutip hutang. Kami tidak akan menggunakan panggilan auto dail atau mesej prarakam atau teks untuk menghubungi anda bagi tujuan pemasaran melainkan kami menerima keizinan daripada anda terlebih dahulu. Kami mungkin berkongsi nombor telefon bimbit anda dengan pembekal perkhidmatan yang membantu kami secara kontrak bagi aktiviti yang disenaraikan di atas, tetapi tidak akan berkongsi nombor telefon bimbit anda dengan pihak ketiga untuk tujuan mereka sendiri tanpa keizinan daripada anda. Anda tidak perlu bersetuju untuk menerima panggilan auto dail atau mesej prarakam atau teks ke nombor telefon bimbit anda untuk menggunakan dan menikmati produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PayPal. Anda boleh menolak untuk menerima panggilan auto dail atau mesej prarakam atau teks ke nombor telefon bimbit anda dengan beberapa cara, termasuk, melalui resit transaksi e-mel, dalam tetapan akaun anda atau dengan menghubungi **Perkhidmatan Pelanggan PayPal**. Kekerapan mesej mungkin berbeza, dan minit telefon standard dan caj teks mungkin dikenakan. Kami atau pembawa telefon anda tidak bertanggungjawab ke atas mesej yang ditangguhkan atau yang tidak dihantar. Walau bagaimanapun, kami masih boleh menghubungi anda secara langsung menggunakan cara lain sekiranya kami perlu bercakap dengan anda.

PayPal mungkin berkomunikasi dengan anda secara elektronik mengenai sebarang maklumat akaun PayPal atau transaksi dan perkhidmatan PayPal. Ia menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan alamat e-mel utama anda dikemas kini supaya PayPal boleh berkomunikasi dengan anda secara elektronik. Anda



memahami dan bersetuju bahawa sekiranya PayPal menghantar komunikasi elektronik kepada anda tetapi anda tidak menerimanya kerana alamat e-mel utama anda pada fail adalah tidak betul, lapuk, disekat oleh pembekal perkhidmatan anda, atau anda tidak dapat menerima komunikasi elektronik, PayPal dianggap telah menyediakan komunikasi kepada anda dengan berkesan.

Sila ambil perhatian bahawa sekiranya anda menggunakan penapis spam yang menghalang atau menghantar semula e-mel daripada penghantar yang tidak disenaraikan dalam buku alamat e-mel anda, anda perlu menambah PayPal ke buku alamat e-mel anda supaya anda dapat melihat komunikasi yang kami hantar kepada anda.

Anda boleh mengemas kini alamat e-mel utama atau alamat jalan pada bila-bila masa dengan log masuk ke laman web PayPal. Sekiranya alamat e-mel anda menjadi tidak sah menyebabkan komunikasi elektronik yang dihantar kepada anda oleh PayPal dikembalikan, PayPal mungkin menganggap akaun anda sebagai tidak aktif, dan anda tidak akan dapat menjalankan sebarang aktiviti menggunakan akaun PayPal anda sehingga kami menerima alamat e-mel utama yang sah dan berfungsi daripada anda.

PayPal berhak untuk menutup akaun anda sekiranya anda menarik balik persetujuan untuk menerima komunikasi elektronik.

Anda akan dianggap telah menerima komunikasi daripada kami, sekiranya ia dihantar secara elektronik, 24 jam selepas kami menerbitkannya di laman web kami atau menghantar e-mel kepada anda. Anda akan dianggap telah menerima komunikasi daripada kami, sekiranya ia dihantar melalui pos dalam tempoh 3 **Hari Bekerja** selepas kami menghantarnya.

Melainkan anda berkomunikasi dengan kami mengenai perkara yang kami telah tentukan alamat notis lain (contohnya, proses **Liabiliti untuk Transaksi Tidak Dibenarkan dan Ralat Lain**), notis bertulis kepada PayPal mesti dihantar melalui mel pos kepada: PayPal Pte. Ltd., Perhatian: Jabatan Perundangan, 5 Temasek Boulevard #09-01, Boulevard Tower Five, Singapura 038985.

Anda memahami dan bersetuju bahawa, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, PayPal boleh, tanpa notis atau amaran selanjutnya, memantau atau merakam perbualan telefon anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak anda dengan PayPal atau ejennya untuk kawalan kualiti dan tujuan latihan atau untuk perlindungan kami sendiri. Anda mengakui dan memahami bahawa semasa komunikasi anda dengan PayPal mungkin didengar, dipantau atau direkodkan, tidak semua talian telefon atau panggilan direkodkan oleh PayPal, dan PayPal tidak menjamin bahawa rakaman mana-mana panggilan telefon tertentu akan disimpan atau boleh dicari kembali.

---

## Hak PayPal

### Hak penggantungan dan penamatan PayPal

PayPal, mengikut budi bicara mutlaknya, berhak untuk menggantung atau menamatkan perjanjian pengguna ini, akses kepada atau menggunakan laman web, perisian, sistemnya (termasuk mana-mana rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan PayPal) yang kami kendalikan atau bagi pihak kami atau sesetengah atau kesemua perkhidmatan PayPal atas apa-apa sebab dan pada bila-bila masa selepas memberi notis kepada anda dan, selepas penamatan perjanjian pengguna ini, bayaran kepada anda daripada mana-mana dana tidak terhad yang dipegang dalam baki akaun PayPal anda.

---

### Kepentingan keselamatan

Sebagai keselamatan untuk pelaksanaan kewajipan anda di bawah perjanjian pengguna ini, anda memberikan lien kepada PayPal, dan kepentingan keselamatan dalam dan kepada, baki dalam akaun PayPal anda dalam pemilikan PayPal.

---

### Amaun hutang dengan PayPal

Jika baki dalam akaun PayPal anda menjadi negatif atas sebarang sebab, baki negatif tersebut mewakili amaun yang anda berhutang dengan PayPal. PayPal boleh menolak amaun ini daripada dana yang ditambah kemudian ke akaun PayPal anda, sama ada daripada anda atau daripada bayaran yang anda terima. Sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu akaun PayPal, kami boleh menolak baki negatif dalam satu akaun PayPal dengan baki dalam akaun PayPal anda yang lain. Sekiranya anda terus menggunakan akaun PayPal walaupun akaun tersebut mempunyai baki negatif, anda membenarkan PayPal untuk menggabungkan baki negatif tersebut dengan mana-mana debit atau transaksi yang dihantar daripada akaun anda apabila kombinasi tersebut didedahkan kepada anda terlebih dahulu sebelum melaksanakan debit atau transaksi.

Sekiranya anda memegang dana dalam berbilang mata wang dalam akaun PayPal, dan baki untuk salah satu mata wang menjadi negatif atas apa-apa sebab, PayPal boleh menolak baki negatif tersebut dengan menggunakan dana yang anda kekalkan dalam mata wang yang berbeza. Sekiranya anda mempunyai baki negatif dalam mata wang yang tidak berkaitan dalam tempoh 21 hari atau lebih, PayPal akan menukar baki negatif ini kepada mata wang berkaitan. Dalam mana-mana kes, **penukaran mata wang** diperlukan, dan kadar pertukaran transaksi PayPal (termasuk **yuran penukaran mata wang** kami) akan digunakan.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, sekiranya anda mempunyai amaun berhutang pada PayPal atau salah satu sekutu kami yang lewat tempoh, PayPal boleh mendebitkan akaun PayPal anda untuk membayar mana-mana amaun yang lewat tempoh. Ini termasuk amaun berhutang menggunakan pelbagai produk kami seperti Xoom atau Braintree.

---

### Prosiding insolvensi

Sekiranya apa-apa prosiding oleh atau terhadap anda dimulakan di bawah sebarang peruntukan mana-mana perundangan kebangkrapan atau insolvensi, kami berhak untuk mendapatkan semula semua kos atau perbelanjaan yang munasabah (termasuk yuran dan perbelanjaan guaman yang munasabah) yang ditanggung berhubung dengan penguatkuasaan perjanjian pengguna ini.

---

## Andaian hak

Sekiranya PayPal membatalkan dan membalikkan bayaran yang anda buat kepada penerima (sama ada atas inisiatif anda atau sebaliknya), anda bersetuju bahawa PayPal memikul hak anda terhadap penerima dan pihak ketiga yang berkaitan dengan bayaran tersebut, dan boleh mengejar hak tersebut secara langsung atau bagi pihak anda, mengikut budi bicara PayPal.

---

## Tiada pengecualian

Kegagalan kami untuk bertindak berhubung dengan pelanggaran mana-mana kewajipan anda di bawah perjanjian pengguna ini oleh anda atau pihak lain tidak mengetepikan hak kami untuk bertindak berhubung dengan pelanggaran berikutnya atau yang serupa.

---

# Ganti Rugi & Had Liabiliti

Dalam seksyen ini, kami menggunakan istilah "PayPal" untuk merujuk kepada PayPal Pte. Ltd. dan ahli sekutu kami, dan setiap pengarah, pegawai, pekerja, ejen, usaha niaga bersama, pembekal perkhidmatan dan pembekal. Ahli sekutu kami termasuk setiap entiti yang kami kawal, yang mengawal kami atau berada di bawah kawalan bersama.

---

## Ganti Rugi

Anda mesti menanggung rugi PayPal untuk tindakan yang berkaitan dengan akaun PayPal anda dan penggunaan Perkhidmatan PayPal anda. Anda bersetuju untuk mempertahankan, menanggung rugi dan memastikan PayPal tidak terkesan daripada sebarang tuntutan atau permintaan (termasuk yuran guaman munasabah) yang dibuat atau ditanggung oleh mana-mana pihak ketiga disebabkan oleh atau timbul daripada pelanggaran perjanjian pengguna ini, penggunaan tidak wajar perkhidmatan PayPal oleh anda, pelanggaran anda terhadap mana-mana perundangan atau hak pihak ketiga dan/atau tindakan atau ketiadaan tindakan mana-mana pihak ketiga yang anda berikan kebenaran untuk menggunakan akaun PayPal anda atau mengakses laman web, perisian, sistem (termasuk sebarang rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan PayPal) yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami, atau mana-mana perkhidmatan PayPal bagi pihak anda.

---

## Had liabiliti

**Liabiliti PayPal adalah terhad berhubung dengan akaun Paypal anda dan penggunaan perkhidmatan Paypal oleh anda.** Dalam apa jua keadaan, PayPal tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan keuntungan atau apa-apa kerosakan khas, sampingan atau berbangkit (termasuk tanpa had ganti rugi untuk kehilangan data atau kehilangan perniagaan) yang timbul daripada atau berkaitan dengan laman web, perisian, sistem (termasuk mana-mana rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan PayPal) yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami, mana-mana perkhidmatan PayPal, atau perjanjian pengguna ini (yang timbul dalam apa cara sekalipun, termasuk kecuai), melainkan dan setakat yang dilarang oleh undang-undang.

Liabiliti kami kepada anda atau mana-mana pihak ketiga dalam apa jua keadaan adalah terhad kepada amaun sebenar ganti rugi langsung. Di samping itu, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, PayPal tidak akan bertanggungjawab, dan anda bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan PayPal untuk apa-apa kerosakan atau kerugian (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kehilangan tunai, nama baik, atau reputasi, keuntungan, atau kerugian tidak ketara yang lain atau apa-apa kerosakan khas, tidak langsung, atau berbangkit) yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada: (1) penggunaan anda, atau ketidakupayaan anda untuk menggunakan, laman web, perisian, sistem yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami (termasuk mana-mana rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan PayPal) atau mana-mana perkhidmatan PayPal; (2) kelewatan atau gangguan dalam laman web, perisian, sistem yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami (termasuk mana-mana rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan PayPal), dan mana-mana perkhidmatan PayPal; (3) virus atau perisian berniat jahat lain yang diperolehi dengan mengakses laman web, perisian, sistem yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami (termasuk mana-mana rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan PayPal), mana-mana perkhidmatan PayPal, atau mana-mana laman web atau perkhidmatan yang dipautkan ke laman web kami; (4) kerosakan, bug, ralat, atau apa-apa jenis ketidaktepatan dalam laman web kami, perisian, sistem yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami (termasuk mana-mana rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan PayPal), mana-mana perkhidmatan PayPal, atau dalam maklumat dan grafik yang diperolehi daripada mereka; (5) kandungan, tindakan atau ketiadaan tindakan oleh pihak ketiga; (6) penggantungan atau tindakan lain yang diambil berkenaan dengan akaun PayPal anda; atau (7) keperluan anda untuk mengubah suai amalan, kandungan atau tingkah laku anda, atau kerugian atau ketidakupayaan anda untuk menjalankan perniagaan, akibat daripada perubahan perjanjian pengguna ini atau dasar PayPal.

---

# Penafian Jaminan & Pelepasan

## Tiada jaminan

Perkhidmatan PayPal disediakan "seadanya" dan tanpa sebarang perwakilan atau jaminan, sama ada tersurat, tersirat atau statutori. PayPal secara khusus menafikan sebarang jaminan tersirat bagi hak milik, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu dan bukan pelanggaran.

PayPal tidak mempunyai sebarang kawalan ke atas produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh penjual yang menerima PayPal sebagai kaedah bayaran, dan PayPal tidak dapat memastikan pembeli atau penjual yang berurusan dengan anda benar-benar akan melengkapkan transaksi atau diberi kuasa untuk berbuat demikian. PayPal tidak menjamin akses berterusan, tidak terganggu atau selamat kepada mana-mana bahagian perkhidmatan PayPal, dan operasi laman web, perisian atau sistem kami yang dikendalikan oleh kami atau bagi pihak kami (termasuk mana-mana rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan PayPal) mungkin diganggu oleh pelbagai faktor di luar kawalan kami. PayPal akan melaksanakan usaha munasabah untuk memastikan bahawa permintaan untuk debit dan kredit elektronik yang melibatkan akaun bank, kad debit, kad kredit, dan pengeluaran cek diproses tepat pada masanya, tetapi PayPal tidak membuat representasi atau jaminan mengenai jumlah masa yang diperlukan untuk melengkapkan pemprosesan kerana perkhidmatan PayPal bergantung kepada banyak faktor di luar kawalan kami, seperti kelewatan dalam sistem perbankan atau perkhidmatan mel. Perenggan ini memberi anda hak perundangan tertentu dan anda juga mungkin mempunyai hak perundangan lain yang berbeza dari negara/rantau ke negara/rantau.

---

## Pelepasan PayPal

Sekiranya anda mempunyai pertikaian dengan mana-mana pemegang akaun PayPal lain, anda melepaskan PayPal daripada mana-mana dan kesemua tuntutan, permintaan dan ganti rugi (sebenarnya dan berbangkit) daripada setiap jenis dan sifat, diketahui dan tidak diketahui, yang timbul daripada atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan pertikaian tersebut. Dalam memasuki pelepasan ini, anda secara jelas mengenyahkan apa-apa perlindungan yang sebaliknya akan menghadkan liputan pelepasan ini untuk memasukkan hanya tuntutan yang anda mungkin tahu atau syaki wujud yang memihak kepada anda pada masa anda bersetuju untuk pelepasan ini.

---

## Pertikaian dengan PayPal

### Hubungi PayPal Terlebih Dahulu

Sekiranya pertikaian timbul di antara anda dan PayPal, bertindak sebagai sama ada pembeli atau penjual, matlamat kami adalah untuk mengetahui dan menangani kebimbangan anda. Sekiranya kami tidak dapat berbuat demikian mengikut kepuasan anda, matlamat kami untuk menyediakan cara yang neutral dan efektif dari segi kos untuk anda segera menyelesaikan pertikaian tersebut. Pertikaian di antara anda dan PayPal berkenaan perkhidmatan boleh dilaporkan kepada [Perkhidmatan Pelanggan PayPal](#).

---

### Timbang Tara

Untuk apa-apa tuntutan (tidak termasuk tuntutan untuk injunktif atau pelepasan lain yang setara) di mana jumlah amaun pampasan yang dicari adalah kurang daripada \$10,000 USD (atau setaraf dengan mata wang lain), anda boleh memilih untuk menyelesaikan pertikaian tersebut dengan cara yang efektif dari segi kos melalui timbang tara tanpa penampilan yang mengikat. Sekiranya anda memilih timbang tara, anda akan memulakan timbang tara tersebut melalui penyelesaian pertikaian alternatif ("ADR") yang telah dipersetujui bersama oleh anda dan kami. Pembekal ADR dan pihak yang terlibat perlu mematuhi peraturan berikut: (a) timbang tara hendaklah dijalankan melalui telefon, dalam talian dan/atau semata-mata berdasarkan penyerahan bertulis, cara tertentu hendaklah dipilih oleh anda; (b) timbang tara tidak boleh melibatkan apa-apa kehadiran peribadi oleh pihak atau saksi kecuali jika dipersetujui sebaliknya oleh semua pihak; dan (c) apa-apa penghakiman ke atas pampasan yang diberikan oleh penimbang tara itu boleh dimasukkan dalam mana-mana mahkamah dengan bidang kuasa yang kompeten.

---

## Harta Intelekt

### Tanda dagangan PayPal

"PayPal.com," "PayPal," dan semua logo yang berkaitan dengan perkhidmatan PayPal, sama ada cap dagang atau cap dagang berdaftar PayPal atau pemberi lesen PayPal. Anda tidak boleh menyalin, meniru, mengubah suai atau menggunakannya tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada PayPal. Selain itu, Semua tajuk halaman, grafik tersuai, ikon butang dan skrip adalah tanda perkhidmatan, tanda dagangan, dan/atau ciri dagangan PayPal. Anda tidak boleh menyalin, meniru, mengubah suai atau menggunakannya tanpa persetujuan bertulis daripada kami terlebih dahulu. Anda boleh menggunakan logo HTML yang disediakan oleh PayPal untuk tujuan menghantar trafik web kepada perkhidmatan PayPal. Anda tidak boleh mengubah, mengubah suai atau menukar logo HTML ini dalam apa jua cara, menggunakannya dengan cara yang menyalahgunakan PayPal atau perkhidmatan PayPal, atau memaparkannya dengan apa-apa cara yang menandakan penajaan atau pengendorsan PayPal. Semua hak, tajuk dan kepentingan dalam dan kepada laman web PayPal, apa-apa kandungan di

atasnya, perkhidmatan PayPal, teknologi yang berkaitan dengan perkhidmatan PayPal, dan apa-apa dan semua teknologi dan apa-apa kandungan yang dicipta atau diperolehi daripada mana-mana yang disebutkan di atas adalah harta eksklusif PayPal dan pemberi lesennya.

---

## Geran lesen, secara amnya

Sekiranya anda menggunakan perisian PayPal seperti API, kit peralatan pembangun atau aplikasi perisian lain yang mungkin termasuk perisian yang disediakan atau disepadukan dengan perisian, sistem atau perkhidmatan pembekal perkhidmatan kami, yang anda telah muat turun atau sebaliknya diakses melalui web atau platform mudah alih, maka PayPal memberikan anda lesen terhad yang boleh dibatalkan, tidak eksklusif, tidak boleh disublesenkan, tidak boleh dipindah milik, bebas royalti untuk mengakses dan/atau menggunakan perisian PayPal mengikut dokumentasi yang mengiringi perisian tersebut. Geran lesen ini terpakai kepada perisian dan semua kemas kini, naik taraf, versi baharu dan perisian penggantian. Anda tidak boleh menyewa, memajak atau memindahkan hak anda dalam perisian kepada pihak ketiga. Anda mesti mematuhi keperluan pelaksanaan, akses dan penggunaan yang terkandung dalam semua dokumentasi yang disertakan dengan perkhidmatan PayPal. Sekiranya anda tidak mematuhi keperluan pelaksanaan, akses dan penggunaan, anda akan bertanggungjawab untuk semua kerosakan terhasil yang dialami oleh anda, PayPal dan pihak ketiga. PayPal boleh mengemas kini atau menamatkan sebarang perisian selepas memberi notis kepada anda. Walaupun PayPal mungkin telah (1) mengintegrasikan bahan dan teknologi pihak ketiga tertentu ke dalam mana-mana laman web atau aplikasi lain, termasuk perisian, dan/atau (2) mengakses dan menggunakan bahan dan teknologi pihak ketiga tertentu untuk memudahkan menyediakan anda dengan perkhidmatan PayPal, anda tidak diberikan dan tidak menyimpan apa-apa hak atau pada mana-mana bahan pihak ketiga tersebut. Anda bersetuju untuk tidak mengubah suai, mengubah, mengusik, membaiki, menyalin, menghasilkan semula, menyesuaikan, mengedar, memaparkan, menerbitkan, menterbalikkan kejuruteraan, menterjemah, menyahsusun, menyusun semula atau sebaliknya cuba untuk mewujudkan mana-mana kod sumber yang diperolehi daripada perisian atau mana-mana bahan atau teknologi pihak ketiga, atau sebaliknya mewujudkan apa-apa kerja terbitan daripada mana-mana perisian atau bahan atau teknologi pihak ketiga. Anda memperakui bahawa semua hak, hak milik dan kepentingan perisian PayPal dimiliki oleh PayPal dan mana-mana bahan pihak ketiga yang diintegrasikan di dalamnya dimiliki oleh penyedia perkhidmatan pihak ketiga PayPal. Mana-mana aplikasi perisian pihak ketiga lain yang anda gunakan di laman web PayPal adalah tertakluk kepada lesen yang dipersetujui oleh anda dengan pihak ketiga yang menyediakan anda dengan perisian ini. Anda memperakui bahawa PayPal tidak memiliki, mengawal atau mempunyai sebarang tanggungjawab atau liabiliti untuk mana-mana aplikasi perisian pihak ketiga sedemikian yang anda memilih untuk gunakan pada mana-mana laman web kami, perisian dan/atau berkaitan dengan perkhidmatan PayPal. Sekiranya anda menggunakan perkhidmatan PayPal di laman web PayPal, atau laman web atau platform lain yang dihoskan oleh PayPal atau pihak ketiga, dan tidak memuat turun perisian PayPal atau menggunakan aplikasi perisian pihak ketiga di laman web PayPal, maka seksyen ini tidak terpakai kepada penggunaan anda dalam perkhidmatan PayPal yang dihos.

---

## Pemberian lesen daripada anda kepada PayPal; jaminan harta intelek

PayPal tidak menuntut pemilikan kandungan yang anda berikan, muat naik, serahkan atau hantar kepada PayPal. PayPal juga tidak menuntut pemilikan kandungan yang anda hos pada laman web pihak ketiga atau aplikasi yang menggunakan perkhidmatan PayPal untuk menyediakan perkhidmatan bayaran yang berkaitan dengan kandungan anda. Tertakluk kepada perenggan seterusnya, apabila anda memberikan kandungan kepada PayPal atau menyiarkan kandungan menggunakan perkhidmatan PayPal, anda memberikan PayPal (dan pihak yang bekerjasama dengan kami) lesen yang tidak eksklusif, tidak boleh ditarik balik, bebas royalti, boleh dipindah milik, dan di seluruh dunia untuk menggunakan kandungan anda dan harta intelek berkaitan dan hak publisiti dalam mana-mana media yang dikenali sekarang atau di masa akan datang untuk membantu kami memperbaiki, mengendalikan dan mempromosikan perkhidmatan semasa dan mengembangkan perkhidmatan baharu. PayPal tidak akan membayar pampasan kepada anda untuk sebarang kandungan anda. Anda memperakui bahawa penggunaan kandungan anda oleh PayPal tidak akan melanggar sebarang harta intelek atau hak publisiti. Selanjutnya, anda memperakui dan menjamin bahawa anda memiliki atau sebaliknya mengawal semua hak kandungan yang anda berikan, dan anda bersetuju untuk mengeneipkan hak moral anda dan berjanji untuk tidak menuntut hak tersebut daripada PayPal. Anda mewakili dan menjamin bahawa tiada mana-mana perkara yang berikut melanggar mana-mana harta intelek atau hak publisiti: penyediaan kandungan anda kepada PayPal, pengiriman kandungan anda menggunakan perkhidmatan PayPal, dan penggunaan kandungan tersebut oleh PayPal (termasuk kerja yang diperolehi daripadanya) berhubung dengan perkhidmatan PayPal.

---

## Pemberian lesen daripada penjual kepada PayPal

Tanpa mengambil kira peruntukan perenggan sebelumnya, sekiranya anda adalah penjual yang menggunakan perkhidmatan PayPal untuk menerima bayaran bagi barangan dan perkhidmatan, anda dengan ini memberikan PayPal dan sekutunya hak untuk menggunakan dan memaparkan secara terbuka di seluruh dunia, tidak eksklusif, boleh dipindah milik, boleh disublesenkan (melalui pelbagai peringkat), dan bebas royalti, dibayar penuh, semasa tempoh perjanjian pengguna ini, tanda dagangan anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada tanda dagangan berdaftar dan tidak berdaftar, nama dagangan, tanda perkhidmatan, logo, nama domain dan lain-lain designasi yang dimiliki, dilesenkan atau digunakan oleh anda) untuk tujuan (1) mengenal pasti anda sebagai peniaga yang menerima perkhidmatan PayPal sebagai bentuk bayaran dan memudahkan transaksi pengguna dengan anda, dan (2) sebarang kegunaan lain yang anda bersetuju secara khusus.

---

## Pelbagai

### Tugasan

Anda tidak boleh memindahkan atau menugaskan apa-apa hak atau kewajipan yang anda miliki di bawah perjanjian pengguna ini tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada PayPal. PayPal boleh memindah atau menugaskan perjanjian pengguna ini atau mana-mana hak atau kewajipan di bawah perjanjian pengguna ini pada bila-bila masa.

---

## Hari Bekerja

"Hari Bekerja" bermaksud Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum yang diiktiraf di Singapura.

---

## Akaun dormant

Sekiranya anda tidak log masuk ke akaun PayPal anda untuk tempoh dua tahun atau lebih, PayPal boleh menutup akaun PayPal anda dan sebarang dana yang tidak digunakan dalam akaun anda akan tertakluk kepada undang-undang berkenaan mengenai wang yang tidak dituntut.

---

## Perjanjian Lengkap dan Ketahanan.

Perjanjian pengguna ini, bersama-sama dengan mana-mana Dasar berkenaan di halaman Perjanjian Undang-Undang di laman web PayPal, menetapkan pemahaman keseluruhan antara anda dan PayPal berkenaan dengan perkhidmatan PayPal. Semua terma tersebut yang pada asalnya harus bertahan, akan bertahan setelah penamatan perjanjian pengguna ini. Sekiranya mana-mana peruntukan perjanjian pengguna ini dianggap sebagai tidak sah atau tidak dapat dikuatkuasakan, peruntukan tersebut akan dibatalkan dan peruntukan selebihnya akan dikuatkuasakan.

---

## Perundangan dan bidang kuasa mentadbir

Perjanjian ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan perundangan Singapura, kerana undang-undang sedemikian digunakan untuk perjanjian yang dimeterai dan dilaksanakan sepenuhnya di Singapura, tanpa mengambil kira konflik peruntukan undang-undang. Kecuali seperti yang dipersetujui oleh semua pihak, anda bersetuju bahawa apa-apa tuntutan atau pertikaian anda terhadap PayPal perlu diselesaikan oleh mahkamah yang terletak di Singapura atau mengikut lokasi defendan. Anda bersetuju untuk membuat penyerahan yang tidak boleh dibatalkan kepada bidang kuasa mahkamah tidak eksklusif yang terletak di Singapura untuk sebarang tujuan guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada perjanjian pengguna ini atau penggunaan laman web atau perkhidmatan kami oleh anda.

---

## Litigasi yang Difailkan Secara Tidak Wajar

Semua tuntutan yang anda bawa terhadap PayPal mesti diselesaikan selaras dengan perjanjian pengguna ini. Semua tuntutan yang difailkan atau dibangkitkan berlawanan dengan perjanjian pengguna ini akan dianggap telah difailkan secara tidak wajar dan merupakan pelanggaran terhadap perjanjian pengguna ini. Sekiranya anda memfailkan tuntutan bertentangan dengan perjanjian pengguna ini, PayPal boleh menuntut yuran dan kos peguam (termasuk peguam dalaman dan paralegal) sehingga \$1,000.00 USD, dengan syarat PayPal telah memaklumkan kepada anda secara bertulis mengenai tuntutan yang telah difailkan secara tidak wajar tersebut, dan anda gagal untuk menarik balik tuntutan itu dengan segera.

---

## Pengesahan identiti

Anda membenarkan PayPal, secara langsung atau melalui pihak ketiga, untuk membuat sebarang pertanyaan yang kami anggap perlu untuk mengesahkan identiti anda. Ini mungkin termasuk:

- meminta maklumat lanjut daripada anda, seperti tarikh lahir anda, nombor pembayar cukai atau pengenalan negara, alamat fizikal dan maklumat lain yang akan membolehkan kami mengenal pasti anda secara munasabah;
- memerlukan anda mengambil langkah untuk mengesahkan pemilikan alamat e-mel anda atau instrumen kewangan;
- memesan laporan kredit daripada agensi pelaporan kredit;
- mengesahkan maklumat anda terhadap pangkalan data pihak ketiga atau melalui sumber lain; atau
- memerlukan anda untuk menyediakan dokumentasi lanjut, seperti lesen memandu anda atau dokumen pengenalan lain pada bila-bila masa.

Undang-undang antipengubahan wang haram dan pembiayaan memerangi keganasan mungkin memerlukan PayPal mengesahkan maklumat identiti tertentu sekiranya anda menggunakan perkhidmatan PayPal tertentu. PayPal berhak untuk menutup, menggantung, atau menghadkan akses ke akaun PayPal anda dan/atau perkhidmatan PayPal sekiranya, selepas pertanyaan yang munasabah, kami tidak berjaya mendapatkan maklumat tentang anda yang diperlukan untuk mengesahkan identiti anda.

---

## PayPal hanyalah pembekal perkhidmatan bayaran

Kami bertindak sebagai pembekal perkhidmatan bayaran sahaja. Kami tidak:

- Bertindak sebagai bank atau menyediakan perkhidmatan perbankan;
- Bertindak sebagai ejen escrow berkenaan mana-mana dana yang disimpan dalam akaun anda;
- Bertindak sebagai ejen atau pemegang amanah anda;
- Memasuki perkongsian, usaha sama, agensi atau perhubungan pekerjaan dengan anda;
- Mempunyai kawalan, atau liabiliti untuk produk atau perkhidmatan yang dibayar dengan perkhidmatan PayPal;



- Menjamin identiti mana-mana pembeli atau penjual;
- Memastikan pembeli atau penjual akan melengkapkan transaksi;
- Menentukan sama ada anda bertanggungjawab untuk sebarang cukai; atau
- Melainkan dinyatakan sebaliknya dengan jelas dalam perjanjian pengguna ini, mengumpul atau membayar apa-apa cukai yang mungkin timbul daripada penggunaan perkhidmatan kami oleh anda.

---

## Penilaian laman web anda

Jika anda mengintegrasikan atau dengan cara lain, merujuk perkhidmatan PayPal di laman web anda, PayPal boleh menggunakan teknologi automatik (contohnya, perangkat laman web) untuk menilai laman web anda dan mengumpulkan apa-apa data yang boleh diakses secara awam atau yang tersedia untuk memastikan pematuhan dengan perjanjian ini dan untuk memerangi aktiviti jahat atau penipuan.

Berhubung dengan teknologi tersebut, PayPal tidak akan mengumpulkan apa-apa data peribadi pelanggan anda. Walau bagaimanapun, mungkin ada masanya kami mengumpulkan data peribadi anda yang telah anda terbitkan di laman web anda. Data peribadi sedemikian akan diproses untuk tujuan yang diterangkan dalam seksyen ini dan akan tertakluk pada [Pernyataan Privasi](#) kami.

---

## Privasi

Melindungi privasi anda adalah sangat penting bagi kami. Sila lihat semula [Pernyataan Privasi](#) kami untuk memahami dengan lebih mendalam komitmen kami dalam mengekalkan privasi anda, serta penzahiran dan penggunaan maklumat anda.

---

## Terma dalam Bahasa Inggeris; Penterjemahan perjanjian

Ia adalah hasrat nyata bagi semua pihak untuk terma ini dan mana-mana dokumen yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung disediakan dalam Bahasa Inggeris. Sebarang terjemahan perjanjian pengguna ini disediakan semata-mata untuk kemudahan anda dan tidak bertujuan untuk mengubah suai terma perjanjian pengguna ini. Sekiranya berlaku konflik antara versi Bahasa Inggeris perjanjian pengguna ini dan versi dalam bahasa selain daripada Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan mengawal.

---

## Penggunaan anda (sebagai penjual) terhadap data peribadi; Undang-undang perlindungan data

Jika anda (sebagai penjual) menerima data peribadi mengenai pelanggan PayPal lain, anda mesti menyimpan data peribadi tersebut sebagai sulit dan hanya menggunakan data berkaitan dengan perkhidmatan PayPal. Anda tidak boleh mendedahkan atau mengedarkan mana-mana maklumat mengenai pengguna PayPal kepada pihak ketiga atau menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan pemasaran melainkan anda menerima keizinan nyata daripada pengguna tersebut untuk berbuat demikian. Anda tidak boleh menghantar e-mel tanpa dipinta kepada pelanggan PayPal atau menggunakan perkhidmatan PayPal untuk menerima bayaran untuk menghantar atau membantu dalam penghantaran, e-mel tanpa dipinta kepada pihak ketiga.

Sehingga setakat anda memproses mana-mana data peribadi tentang pelanggan PayPal menurut perjanjian pengguna ini, anda dan PayPal masing-masing akan menjadi pengawal data bebas (dan bukan pengawal bersama), bermaksud kita akan menentukan tujuan dan cara memproses data peribadi sedemikian secara berasingan. Kita masing-masing bersetuju untuk mematuhi keperluan mana-mana undang-undang privasi dan perlindungan data yang terpakai, termasuk mana-mana peraturan, arahan, kod amalan, dan keperluan kawal selia terpakai kepada pengawal data yang berkaitan dengan perjanjian pengguna ini. Kita masing-masing juga mempunyai dan akan mengikut pernyataan privasi, notis, polisi dan prosedur kita yang telah ditentukan secara bebas, untuk mana-mana data peribadi sedemikian yang kita proses berkaitan perjanjian pengguna ini.

Dengan mematuhi undang-undang perlindungan data yang terpakai, kita masing-masing akan:

- melaksanakan dan mengekalkan semua langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya berkaitan pemrosesan data peribadi;
- menyimpan rekod semua aktiviti pemrosesan yang dijalankan di bawah perjanjian pengguna ini; dan
- tidak dengan disedari atau dengan niat melakukan apa-apa, atau dengan disedari atau dengan niat membenarkan apa-apa untuk dilakukan, yang mungkin membawa kepada pelanggaran undang-undang perlindungan data yang terpakai oleh pihak lain.

Mana-mana data peribadi yang anda kumpulkan berkaitan dengan perkhidmatan PayPal (dan yang anda tidak jana, kumpul, atau peroleh melalui hubungan berasingan pelanggan dengan anda di luar penggunaan perkhidmatan PayPal) akan digunakan oleh anda hanya setakat yang terhad, perlu dan berkaitan dengan perkhidmatan PayPal dan bukan untuk tujuan lain melainkan anda telah mendapat keizinan nyata terlebih dahulu daripada pelanggan.

Pihak-pihak bersetuju bahawa PayPal boleh memindahkan data peribadi pelanggan yang diproses di bawah perjanjian pengguna ini ke luar negara data tersebut dikumpulkan jika perlu untuk menyediakan perkhidmatan PayPal. Jika PayPal memindahkan data peribadi pelanggan yang dilindungi di bawah perjanjian ini ke bidang kuasa yang pihak berkuasa kawal selia terpakai bagi negara tempat data dikumpulkan tidak mengeluarkan keputusan yang mencukupi, PayPal akan memastikan bahawa perlindungan yang sewajarnya telah dilaksanakan untuk pemindahan data peribadi pelanggan tersebut menurut undang-undang perlindungan data yang terpakai. Sebagai contoh, dan untuk tujuan pematuhan Peraturan (EU) 2016/679, kami bergantung pada Peraturan Korporat yang Mengikat yang diluluskan oleh pihak berkuasa penyeliaan kompeten dan mekanisme pindahan data lain untuk pemindahan data peribadi pelanggan ke ahli kumpulan PayPal yang lain.

---

## Pendedahan Pengaturan Perlindungan di bawah undang-undang Singapura



Seksyen ini memberikan maklumat tentang cara PayPal melindungi dana yang kami terima daripada atau pada akaun pelanggan ("dana anda") seperti yang dikehendaki oleh undang-undang di Singapura, melainkan Pengecualian yang dinyatakan di bawah terpakai.

Kami melindungi dana anda dengan men depositkan dana ke dalam akaun amanah atas nama kami dengan bank atau institusi perlindungan lain di Singapura.

Kami juga menggunakan akaun amanah yang sama untuk melindungi dana yang kami pegang untuk pelanggan lain, yang bermaksud:

- Dana daripada pelanggan yang berbeza bercampur dalam akaun amanah.
- Pengenalpastian atau pengasingan bahagian dana dalam akaun amanah sebagai milik mana-mana pelanggan tertentu tidak dapat dijalankan.
- Jika institusi perlindungan menjadi tak mampu bayar atau tidak dapat memenuhi kewajipannya, terdapat risiko yang mungkin anda tidak dapat mendapatkan semula sesetengah atau semua dana dalam akaun amanah yang kami pegang bagi pihak anda.

Anda bersetuju bahawa kami berhak atas semua faedah yang perlu dibayar ke atas dana dalam akaun amanah.

---

## Pengecualian

Jika anda tinggal di luar Singapura (termasuk jika anda ialah entiti yang tidak ditubuhkan di Singapura dan tidak menjalankan perniagaan di Singapura), perlindungan yang diterangkan di atas tidak diguna pakai kepada dana anda, kecuali apabila anda mengeluarkan baki dalam akaun PayPal anda ke akaun bank Singapura dan dana kekal dalam transit.

---

## Terma Khusus Negara/Rantau

Terma dan syarat ini diguna pakai hanya untuk pemegang akaun bagi akaun PayPal yang didaftarkan di negara yang berikut. Sekiranya berlaku konflik antara terma perjanjian pengguna ini dengan terma di bawah, terma khusus negara/rautau di bawah akan diguna pakai:

---

### Croatia dan Iceland

**Peruntukan Perlindungan Data untuk penjual.** Jika anda, sebagai penjual dengan akaun PayPal Croatia atau Iceland, memindahkan data peribadi pelanggan yang masing-masing berada di Croatia atau Iceland, kita sama-sama bersetuju untuk memasukkan fasal kontrak standard yang terdapat [di sini](#), yang merupakan sebahagian daripada perjanjian pengguna ini.

---

### Tanah Besar China

Jika anda menggunakan perkhidmatan ("Perkhidmatan Pihak Ketiga") yang ditawarkan oleh bank rakan kongsi PayPal atau pembekal perkhidmatan pertukaran mata wang asing berlesen ("Pembekal Perkhidmatan"), sila lihat terma dan syarat Pembekal Perkhidmatan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut.

Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian, tuntutan, tindakan, prosiding ("Pertikaian") antara anda dengan Pembekal Perkhidmatan atas sebab mana-mana kelewatan atau tiada bayaran bagi mana-mana dana yang sepatutnya anda terima, anda dengan ini melindungi PayPal, ahli gabungan PayPal dan kakitangan daripada mana-mana ganti rugi, tuntutan, caj, perbelanjaan dan/atau kerugian yang timbul daripada Pertikaian tersebut. Anda selanjutnya bersetuju bahawa, PayPal tidak akan bertanggungjawab kepada anda berhubung dengan mana-mana dana yang telah dipindahkan daripada akaun PayPal anda kepada Pembekal Perkhidmatan.

Anda mengakui dan bersetuju bahawa PayPal boleh berkongsi maklumat yang anda sediakan menurut Pernyataan Privasi PayPal dan terma perjanjian antara anda dan PayPal dengan Penyedia Perkhidmatan, termasuk atas sebab yang berikut; untuk membolehkan Penyedia Perkhidmatan menjalankan usaha wajar yang diperlukan selaras dengan kewajipan Kenali pelanggan anda (KYC) Penyedia Perkhidmatan.

PayPal tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang anda tanggung atau alami atas sebab apa-apa (i) kegagalan, gangguan, kecacatan atau kecuaiian atau salah guna yang disengajakan oleh Perkhidmatan Pihak Ketiga; atau (ii) akibat yang berikutan daripada kelewatan atau tidak menerima dana yang dikeluarkan melalui Perkhidmatan Pihak Ketiga.

Kami boleh meminda perjanjian pengguna dan mana-mana polisi dan perjanjian lain di halaman Perjanjian Undang-undang yang terpakai kepada pengguna di Tanah Besar China dari semasa ke semasa. Versi semakan akan berkuat kuasa pada masa kami menyiarkan versi di laman web kami, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Sekiranya perubahan yang kami laksanakan mengurangkan hak anda atau menambahkan tanggungjawab anda, kami akan menyiarkan notis di halaman Pengemaskinian Polisi di laman web kami dan memberi anda sekurang-kurangnya notis 30 hari.

Kecuali setakat yang dipinda oleh terma dan syarat ini, semua peruntukan lain dalam perjanjian pengguna akan kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

---

## Colombia

Pada 1 September 2015, pengguna PayPal yang merupakan Pemastautin Colombia hanya boleh menghantar dan menerima bayaran antarabangsa. Bayaran domestik antara dua pengguna PayPal yang merupakan Pemastautin Colombia tidak disediakan.

"Pemastautin Colombia" didefinisikan sebagai:

1. seorang individu, tanpa mengira kewarganegaraan sebenar, yang telah menyatakan Colombia sebagai negara atau rantau beliau semasa mendaftar akaun PayPal; dan
2. sebuah entiti, perkongsian, organisasi atau persatuan yang telah menyatakan Colombia sebagai negara atau wilayah pendaftarannya semasa mendaftar akaun PayPal.

---

## Malaysia

PayPal telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengendalikan perniagaan e-wang. Oleh itu, sekiranya anda seorang pelanggan Malaysia dan PayPal tidak memberikan respons yang cepat dan efisien kepada anda berhubung dengan perkhidmatan PayPal berkenaan penggunaan proses penyelesaian pertikaian yang ditetapkan dalam seksyen Pertikaian dengan PayPal di dalam perjanjian pengguna ini atau apabila anda menghubungi Sokongan Pelanggan PayPal, anda juga boleh menghubungi Bank Negara melalui BNMLINK dan BNMTELELINK.

BNMTELELINK boleh dihubungi secara langsung sama ada melalui telefon, faks, surat atau e-mel. Orang ramai boleh menghubungi BNMLINK dan BNMTELELINK untuk mendapatkan maklumat, pertanyaan atau tebus rugi dalam bidang perbankan konvensional dan Islam, insurans dan takaful, perkhidmatan nasihat untuk perusahaan kecil dan sederhana, pentadbiran pertukaran mata wang asing dan lain-lain perkara di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia. Maklumat hubungan untuk BNMTELELINK ialah:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat

Bank Negara Malaysia

P.O.Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 (LINK)

Faks: 03-2174 1515

E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

Waktu operasi BNMLINK dan BNMTELELINK adalah dari: Isnin – Jumaat, 9.00 pg. – 5.00 ptg. Waktu Malaysia

**Pernyataan Privasi.** Sebagai tambahan kepada versi bahasa Inggeris Pernyataan Privasi yang dilampirkan dengan Perjanjian ini, versi Bahasa Melayu polisi ini boleh didapati dengan mengklik pautan berikut.

**Skim Ombudsman Kewangan.** PayPal ialah ahli Skim Ombudsman Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Pengendali yang diluluskan untuk mengendalikan skim ini ialah Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan (OFS), saluran penyelesaian pertikaian alternatif bebas yang melindungi pelanggan Malaysia yang layak. Perkhidmatan OFS disediakan secara percuma kepada pengadu layak yang mungkin tidak berpuas hati dengan resolusi PayPal. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai jangka masa untuk memfailkan pertikaian dan jenis Award yang mungkin diberikan oleh Ombudsman, sila layari [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my).

**Pengeluaran Dana di Malaysia.** Jika akaun anda berdaftar di Malaysia, anda hanya boleh mengeluarkan dana daripada Akaun anda dengan memindahkan dana ke akaun bank anda di Malaysia.

**Undang-undang yang Mentadbir.** Bagi pemastautin Malaysia yang mendaftar untuk perkhidmatan PayPal dengan alamat di Malaysia, perjanjian pengguna ini dikawal dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia kerana perundangan sedemikian terpakai untuk perjanjian yang dimeterai dan dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia. Kecuali yang dipinda oleh terma dan syarat ini, semua peruntukan lain di dalam perjanjian pengguna akan kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

**Pindaan.** Kami boleh meminda perjanjian pengguna dan mana-mana polisi dan perjanjian lain di halaman Perjanjian Undang-undang yang terpakai kepada pengguna di Malaysia dari semasa ke semasa. Versi semakan akan berkuat kuasa pada masa kami menyiarkan versi di laman web kami, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Jika perubahan kami mengurangkan hak anda atau menambahkan tanggungjawab anda, kami akan menyiarkan notis di halaman Pengemaskinian Polisi di laman web kami dan memberi anda sekurang-kurangnya notis 21 hari.

**Hak penggantungan dan penamatan PayPal.** PayPal, mengikut budi bicara mutlak, berhak untuk menggantung atau menamatkan perjanjian pengguna ini, akses kepada atau penggunaan laman web, perisian, sistemnya (termasuk mana-mana rangkaian dan pelayan yang digunakan untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan PayPal) yang kami kendalikan atau bagi pihak kami atau sesetengah atau semua perkhidmatan PayPal, pada bila-bila masa selepas notis diberikan kepada anda: (i) jika anda melanggar perjanjian pengguna ini, Polisi Guna Boleh Terima PayPal, Perjanjian Entiti Komersial (seperti yang terpakai kepada anda), atau mana-mana perjanjian lain antara anda dengan PayPal, atau (ii) jika kami menentukan, mengikut tindakan munasabah, bahawa kami perlu berbuat demikian disebabkan oleh keadaan atau sebab lain. Penentuan kami muktamad dan mengikat kecuali dalam kes ralat nyata atau niat jahat. Selepas penamatan perjanjian pengguna ini, PayPal akan mengurus bayaran kepada anda daripada mana-mana dana yang tidak terhad yang dipegang dalam baki akaun PayPal anda.

---

## Maghribi

Setelah mengaktifkan fungsi pengeluaran ke akaun bank Maghribi dengan rakan kongsi bank PayPal, anda akan diminta untuk mematuhi undang-undang dan peraturan Maghribi. Ini bermakna sekiranya anda menerima amaun ke dalam baki akaun PayPal anda daripada pengguna PayPal, anda mesti mengeluarkan amaun di dalam baki akaun PayPal anda ke akaun bank Maghribi\* dalam tempoh 30 Hari dari tarikh penerimaan dana.

\* Rakan kongsi bank PayPal untuk kefungisian pengeluaran mengenakan bayaran untuk setiap pengeluaran. Setelah mengaktifkan fungsi penerimaan dan pengeluaran, PayPal akan memberikan maklumat tambahan kepada anda.

---

## Filipina

Jika anda menggunakan perkhidmatan ("Perkhidmatan Pihak Ketiga") yang ditawarkan oleh rakan kongsi bank PayPal atau pembekal perkhidmatan pertukaran mata wang asing berlesen atau pengeluar e-wang ("Pembekal Perkhidmatan"), sila lihat terma dan syarat Pembekal Perkhidmatan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut.

Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian, tuntutan, tindakan, prosiding ("Pertikaian") antara anda dengan Pembekal Perkhidmatan atas sebab mana-mana kelewatan atau tiada bayaran bagi mana-mana dana yang sepatutnya anda terima, anda dengan ini melindungi PayPal, ahli gabungan PayPal dan kakitangan daripada mana-mana ganti rugi, tuntutan, caj, perbelanjaan dan/atau kerugian yang timbul daripada Pertikaian tersebut. Anda selanjutnya bersetuju bahawa, PayPal tidak akan bertanggungjawab kepada anda berhubung dengan mana-mana dana yang telah dipindahkan daripada akaun PayPal anda kepada Pembekal Perkhidmatan.

Anda mengakui dan bersetuju bahawa PayPal boleh berkongsi maklumat yang anda sediakan menurut Pernyataan Privasi PayPal dan terma perjanjian antara anda dan PayPal dengan Penyedia Perkhidmatan untuk membolehkan Penyedia Perkhidmatan menjalankan usaha wajar yang diperlukan selaras dengan kewajipan Kenali pelanggan anda (KYC) Penyedia Perkhidmatan.

PayPal tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang anda tanggung atau alami atas sebab apa-apa (i) kegagalan, gangguan, kecacatan atau kecuaiian atau salah guna yang disengajakan oleh Perkhidmatan Pihak Ketiga; atau (ii) akibat yang timbul berikutan daripada kelewatan atau tidak menerima dana yang dikeluarkan melalui Perkhidmatan Pihak Ketiga.

Pindaan. Kami boleh meminda perjanjian pengguna ini dan mana-mana dasar dan perjanjian lain di halaman Perjanjian Undang-Undang yang terpakai kepada pengguna di Filipina dari semasa ke semasa. Versi semakan akan berkuat kuasa pada masa kami menyiarkan versi di laman web kami, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Jika kami meminda perjanjian pengguna ini, kami akan menyiarkan notis di halaman Pengemaskinian Polisi laman web kami dan memberikan notis sekurang-kurangnya 60 hari kepada anda, melainkan tempoh notis yang lebih pendek diperlukan di bawah undang-undang atau peraturan Filipina.

Kecuali setakat yang dipinda oleh terma dan syarat ini, semua peruntukan lain dalam perjanjian pengguna akan kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

---

## Afrika Selatan

Anda dikehendaki mematuhi peraturan kawalan pertukaran Afrika Selatan. Ini bermakna bahawa:

1. Jika anda menerima amaun ke dalam baki akaun PayPal anda daripada pengguna PayPal:

(i) anda tidak boleh menghantar amaun tersebut kepada pengguna PayPal lain untuk pembelian atau atas sebab lain.

(ii) anda mesti mengeluarkan amaun dalam baki akaun PayPal ke akaun bank Afrika Selatan\* anda dalam tempoh 30 Hari dari tarikh penerimaan dana.

2. Jika anda mahu menghantar amaun kepada pengguna PayPal lain:

(i) anda mesti berbuat demikian sama ada dengan menggunakan kad kredit yang dikaitkan dengan akaun anda, atau dengan menambah nilai baki dalam akaun PayPal anda daripada akaun bank FNB\* anda.

(ii) Untuk pembelian menggunakan tambah nilai, anda perlu melakukan tambah nilai berasingan untuk setiap pembelian.

\* FNB mengenakan bayaran untuk setiap tambah nilai dan pengeluaran. Sila lihat laman web FNB untuk mendapatkan maklumat lanjut.

---

## Singapura

Perkhidmatan PayPal ditawarkan oleh PayPal Pte. Ltd. yang terletak di 5 Temasek Boulevard #09-01, Suntec Tower Five, Singapore 038985. Waktu operasi kami pada Hari Bekerja adalah dari 9 pg. hingga 5 ptg. Jika anda pemastautin Singapura, anda mungkin mempunyai maklumat sama dihantar melalui e-mel kepada anda dengan penghantaran surat ke alamat di atas dengan alamat e-mel anda dan permintaan untuk maklumat ini. Yuran untuk perkhidmatan kami diperihalkan dalam [Jadual Yuran](#) kami.

Akaun PayPal anda hanya boleh digunakan untuk memudahkan bayaran bagi barangan dan perkhidmatan, bukan pemindahan dana peribadi.

Untuk akaun peribadi, sila ambil perhatian bahawa mungkin terdapat had bagi jumlah baki yang mungkin akan pegang dalam semua akaun peribadi, atau pada jumlah amaun transaksi keluar yang mungkin dibuat daripada semua akaun peribadi anda dengan kami, seperti yang ditetapkan oleh undang-undang atau yang kami mungkin tentukan.

Selain itu, jika anda seorang individu atau tuan punya tunggal, kami dikehendaki memaklumkan anda berkenaan kewajipan anda bawah Garis Panduan Perlindungan Pengguna E-Pembayaran yang diterbitkan oleh Pihak Berkuasa Monetari Singapura seperti yang dinyatakan di bawah:

- berikan maklumat hubungan anda kepada kami seperti yang kami kehendaki agar kami dapat menghantar pemberitahuan transaksi kepada anda seperti yang kami dikehendaki di bawah garis panduan. Jika anda memilih untuk menerima pemberitahuan transaksi melalui SMS, anda hendaklah sekurang-kurangnya, memberi kami nombor telefon bimbit Singapura anda, dan jika anda telah memilih untuk menerima pemberitahuan melalui e-mel, anda perlu memberi kami alamat mel anda;
- Anda bertanggungjawab menandatangani makluman pemberitahuan transaksi, untuk menerima semua pemberitahuan transaksi bagi semua transaksi keluar yang dibuat daripada akaun anda, dan untuk memantau pemberitahuan transaksi yang telah kami hantar kepada e-mel anda, tanpa perlu penghantaran peringatan lanjutan atau pemberitahuan berulang.
- Seperti yang dinyatakan di atas, anda tidak boleh mendedahkan mana-mana kata laluan anda kepada mana-mana pihak ketiga secara sukarela, (kecuali arahan tersebut daripada kami). Anda tidak boleh mendedahkan kata laluan anda dengan cara yang boleh dikenal pasti pada akaun anda, peranti pengesahan atau mana-mana tabung untuk akaun anda atau menyimpan rekod kata laluan anda dengan cara yang membolehkan pihak ketiga menyalahgunakan kata laluan anda.
- Jika anda menyimpan rekod kata laluan anda, anda hendaklah berusaha dengan sewajarnya untuk memastikan rekod itu selamat, sebagai contoh, dengan menyimpan kata laluan di lokasi fizikal yang hanya anda ketahui atau boleh akses, atau menyimpan di tempat tidak mungkin diketahui oleh pihak ketiga.
- Secara minimum, anda perlu melakukan perkara yang berikut untuk melindungi akaun anda:
  - mengemas kini pelayar peranti anda kepada versi terkini yang tersedia,
  - menampal sistem pengendalian peranti anda dengan kemas kini keselamatan dengan tetap,
  - memasang dan mengekalkan perisian antivirus terkini pada peranti anda, dan
  - menggunakan kata laluan yang kukuh, seperti gabungan huruf, nombor dan simbol.
- Anda perlu melaporkan mana-mana Transaksi Tidak Dibenarkan kepada PayPal secepat yang boleh dilaksanakan selepas menerima mana-mana makluman pemberitahuan transaksi untuk mana-mana Transaksi Tidak Dibenarkan. Jika berlakunya kelewatan dalam pelaporan, dan kami meminta punca perkara tersebut, anda hendaklah memberikan sebab kelewatan laporan kepada kami. Pelaporan untuk Transaksi Tidak Dibenarkan diperincikan di atas. Anda juga mungkin dikehendaki membuat laporan polis jika kami minta, untuk memudahkan proses siasatan tuntutan kami.
- Anda juga perlu memaklumkan orang lain yang anda telah memberikan kuasa (menurut Perjanjian ini) untuk menggunakan akaun PayPal anda, jika ada, tentang arahan dan nasihat keselamatan kami.

Kewajipan kami ialah:

- Tertakluk pada pilihan anda, kami akan menyediakan pemberitahuan transaksi berkenaan semua transaksi keluar anda, dihantar kepada e-mel anda, atau setiap e-mel yang anda pilih untuk menerima pemberitahuan tersebut. Pemberitahuan ini dihantar pada masa nyata untuk setiap transaksi. Kami akan menghantar pemberitahuan transaksi e-mel dengan pemberitahuan pada tapak web kami. Pemberitahuan ini juga akan mengandungi maklumat yang berikut (selain maklumat yang kami tidak sertakan atas kerahsiaan) untuk anda mengenal pasti transaksi sebagai dibenarkan:
  - Maklumat yang membolehkan anda mengenal pasti akaun anda (contohnya, dengan nama akaun anda),
  - Maklumat yang membolehkan anda mengenal pasti penerima,
  - Maklumat yang membolehkan kami mengenal pasti anda, akaun anda dan akaun penerima pada kemudiannya,
  - Amaun transaksi;
  - Waktu dan tarikh transaksi,
  - Jenis transaksi,
  - Jika transaksi tersebut untuk barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan, nama dagangan peniaga dan nombor rujukan untuk transaksi (di mana mungkin).

Sila ambil perhatian bahawa keutamaan pemberitahuan anda mungkin menjejaskan keupayaan anda untuk mengesan Transaksi Tidak Dibenarkan tepat pada masanya, dan liabiliti anda untuk mana-mana Transaksi Tidak Dibenarkan.

Sebagai tambahan kepada prosedur di atas, kami akan melengkapkan siasatan mana-mana tuntutan Transaksi Tidak Dibenarkan dalam masa 21 hari bekerja, untuk kes yang jelas dan mudah, atau 45 hari bekerja, untuk kes yang kompleks. Kes kompleks mungkin termasuk kes pihak Transaksi Tidak Dibenarkan tinggal di luar negara, atau yang kami tidak menerima maklumat yang mencukupi daripada anda untuk melengkapkan siasatan. Kami akan memberikan laporan bertulis atau lisan bagi hasil siasatan dan penilaian liabiliti anda dan mendapatkan pengakuan anda terhadap laporan penyiasatan. Kami juga mungkin memerlukan anda memberikan laporan polis sebelum kami memulakan proses penyelesaian tuntutan kami. Jika anda tidak bersetuju dengan penilaian kami, kami mungkin akan memulakan penyelesaian pertikaian dalam cara lain.

---

## Taiwan

Keupayaan anda untuk mengeluarkan baki dalam akaun PayPal anda ke akaun bank tempatan anda mungkin memerlukan pembukaan akaun bank dengan rakan kongsi bank PayPal di Taiwan ("Rakan Kongsi Bank"), dan menggunakan perkhidmatan pengeluaran yang ditawarkan oleh Rakan Kongsi Bank tersebut ("Perkhidmatan Pengeluaran"). Sila lihat terma dan syarat dengan Rakan Kongsi Bank untuk maklumat tambahan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pengeluaran.

Jika baki dalam pengeluaran akaun PayPal anda tidak dapat diproses atas apa-apa sebab, dana anda akan dikembalikan kepada anda dalam USD.

Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian, tuntutan, tindakan, prosiding ("Pertikaian") antara anda dengan Rakan Bank atas sebab apa-apa kelewatan atau tiada bayaran mana-mana dana yang sepatutnya anda terima, anda dengan ini melindungi PayPal, ahli gabungan PayPal dan kakitangannya daripada apa-apa ganti rugi, tuntutan, caj, perbelanjaan dan/atau kerugian yang timbul daripada Pertikaian tersebut. Anda selanjutnya bersetuju bahawa PayPal tidak akan bertanggungjawab kepada anda berhubung dengan mana-mana dana yang telah dipindahkan daripada akaun PayPal anda kepada Rakan Kongsi Bank.

PayPal tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang anda tanggung atau alami atas sebab apa-apa (i) kegagalan, gangguan, kecacatan atau kecuaiian atau salah guna yang disengajakan oleh Perkhidmatan Pengeluaran; atau (ii) akibat yang timbul berikutan daripada kelewatan atau tidak menerima dana yang dikeluarkan melalui Perkhidmatan Pengeluaran.

Kecuali setakat yang dipinda oleh terma dan syarat tertentu negara ini, semua peruntukan lain dalam perjanjian pengguna akan kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.